

TRANSKRIPSI PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL  
*HATIMU AISYAH* KARYA ZURINAH HASSAN :  
PERSPEKTIF FEMINISME

WALIMATUL QULIYYAH BINTI MATIASIN  
C18A0447

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA  
MALAYSIA  
2022  
KELANTAN



**TRANSKRIPSI PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL  
HATIMU AISYAH KARYA ZURINAH HASSAN :  
PERSPEKTIF FEMINISME**

**WALIMATUL QULIYYAH BINTI MATIASIN  
C18A0447**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
|                                     |         | Dari tarikh _____ sehingga _____  |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*Walimatul*

---

Tandatangan  
980831125880  
No. Kad Pengenalan  
Tarikh : 13 Februari 2022

*Anis*

---

Tandatangan Penyelia  
PUAN NUR ANIS BINTI  
MUHAMMAD APANDI  
Nama Penyelia  
Tarikh : 13 Februari 2022

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang”, segala puji dan rasa syukur kepada llahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Bersyukur ke hadrat llahi dengan limpah kurniaNya akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang menyiapkan kajian ini. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Semoga segala jasa baik dan budi yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Di kesempatan ini saya merakamkan rasa syukur dan ingin mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada ibu bapa dan keluarga tercinta kerana telah memberikan dorongan serta semangat kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang membantu dan memberi kerjasama dalam menyiapkan tugas ini. Segala jasa dan pengorbanan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN TESIS.....	I
PENGHARGAAN.....	II
ISI KANDUNGAN.....	III
ABSTRAK.....	V
ABSTRACT.....	VII
BAB 1.....	1
PENDAHULUAN.....	1
1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN.....	3
1.3 PERSOALAN KAJIAN.....	4
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	5
1.5 DEFINISI KONSEP.....	5
1.5.1 Perwatakan.....	5
1.5.2 Jati diri.....	6
1.5.3 Wanita / Perempuan.....	6
1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN.....	7
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN.....	8
1.8 KESIMPULAN.....	8
BAB 2.....	9
SOROTAN KAJIAN.....	9
BAB 3.....	23
METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI.....	23
3.0 PENGENALAN.....	23
3.1 METODOLOGI KAJIAN.....	23
a) Bacaan.....	24
b) Penerangan.....	25
c) Pengelasan.....	25
d) Pentafsiran.....	26
i. Perwatakan.....	26
ii. Jati diri.....	27
iii. Wanita.....	27
3.1.1 Pendekatan Kajian.....	28
3.2 TEORI FEMINISME.....	28
3.3 REKA BENTUK KAJIAN.....	30
3.4 KERANGKA KONSEPTUAL.....	31
3.5 KETERANGAN KERANGKA KONSEPTUAL.....	32
3.6 KESIMPULAN.....	32
BAB 4.....	33
ANALISIS DAN DATA KAJIAN.....	33
4.0 PENGENALAN.....	33
4.1 PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL HATIMU AISYAH.....	33

4.1.1 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI ANAK PEREMPUAN.....	35
4.1.1.1 Anak Yang Taat Dan Patuh Perintah Orang Tua.....	35
4.1.2 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI ISTERI.....	40
4.1.2.1 Isteri Yang Bersikap Pemalu.....	40
4.1.2.2 Isteri Yang Prihatin Terhadap Suaminya.....	42
4.1.2.3 Isteri Yang Bersyukur.....	43
4.1.3 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI IBU.....	45
4.1.3.1 Ibu Yang Tegas.....	46
4.1.3.2 Ibu Yang Bersyukur.....	47
4.2 KEPENTINGAN JATI DIRI WANITA DALAM NOVEL HATIMU AISYAH	49
4.3 PERWATAKAN WANITA DENGAN MENGAPLIKASIKAN TEORI FEMINISME DALAM NOVEL HATIMU AISYAH.....	51
4.4 KESIMPULAN.....	55
 BAB 5.....	56
KESIMPULAN.....	56
5.0 PENGENALAN.....	56
5.1 RUMUSAN KAJIAN.....	56
5.2 IMPLIKASI KAJIAN.....	57
5.3 KESIMPULAN.....	58
 RUJUKAN.....	60

## Transkripsi Perwatakan Wanita Dalam Novel *Hatimu Aisyah* Karya Zurinah Hassan : Perspektif Feminisme

### ABSTRAK

*Hatimu Aisyah* adalah sebuah novel hasil karya Zurinah Hassan iaitu merupakan seorang Sasterawan Negara ke-13 yang menggambarkan norma-norma masyarakat yang hidup dalam adat dan kebudayaan masyarakat Melayu. Novel beliau ini juga mengangkat novel feminism yang mengetengahkan kehidupan golongan wanita suatu ketika dahulu yang terikat dengan adat dan pantang larang masyarakat Melayu. Kajian terhadap karya Zurinah Hassan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perwatakan wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* dan menganalisis kepentingan jati diri seseorang wanita dalam novel yang sama. Kajian ini dibincangkan dengan merujuk kepada pendekatan kaedah kualitatif dan pendekatan teori feminism untuk menilai dalam mengangkat kedudukan dan memartabatkan golongan wanita yang telah diketengahkan dalam analisis dan dapatan kajian di sini.

**Kata Kunci :** Feminisme, Perwatakan, Wanita, Jati Diri, *Hatimu Aisyah*

## Transcription of Female Character in the Novel Hatimu Aisyah by Zurinah

### Hassan: Feminist Perspective

#### ABSTRACT

*Hatimu Aisyah* is a novel by Zurinah Hassan, the 13th National Literary, which describes the norms of the society that lives in the customs and culture of the Malay community. Her novel also raises feminist novels that highlight the lives of women in the past who were bound by the customs and taboos of the Malay community. This study of Zurinah Hassan's work aims to identify the woman character found in the novel *Hatimu Aisyah* and analyze the importance of a woman's identity in the same novel. This study is discussed with reference to the qualitative method approach and feminist theory approach to assess the position and dignity of women that have been highlighted in the analysis and study here.

**Keywords :** Feminisme, Characters, Woman, Identity, *Hatimu Aisyah*

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Bahagian ini merupakan pengantar projek penyelidikan kajian yang mengandungi latar belakang kajian, konsep merantau, pernyataan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Perbincangan ini juga mengupas mengenai latar belakang kajian perwatakan wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan. Sebelum menelusuri dengan lebih mendalam aspek yang akan dibincangkan dengan penggunaan teori, maka pemahaman mengenai latar belakang kajian iaitu perwatakan seseorang wanita dan novel *Hatimu Aisyah* yang harus diketengahkan bersama-sama dengan objektif, persoalan kajian permasalahan kajian, definisi konsep, skop dan batasan, kepentingan kajian, dan kesimpulan dalam bab ini.

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam sesebuah teks sastera termasuklah karya-karya novel sastera, terdapat pelbagai plot dan latar yang dipaparkan oleh pengarang. Secara ringkasnya dalam karya novel atau novel sastera terdapat pelbagai watak iaitu watak yang paling utama dalam penghasilan dan penceritaan karya novel sastera. Walau bagaimanapun, semestinya perwatakan juga merupakan peranan yang paling penting untuk menjadikan perjalanan teks cerita menjadi lebih lancar dan lebih menarik. Perwatakan merupakan sifat-sifat dalaman

seseorang watak yang digambarkan sama ada melalui percakapan dan tingkah laku seseorang watak atau watak lain seperti baik hati, pemarah dan sebagainya (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Hal ini dikatakan demikian kerana perwatakan yang dimiliki dan dibawa oleh setiap watak yang berbeza dapat memperluaskan lagi serta memperkembangkan nilai-nilai kemanusiaan. Dengan adanya kreativiti seseorang pengarang terhadap pelbagai pembentukan citra dan personaliti setiap watak yang dihasilkan memberikan kesan gambaran dan imaginasi kepada khalayak.

Namun begitu, kajian ini berlatarkan terhadap perwatakan seseorang watak golongan wanita. Perempuan secara umumnya adalah adalah satu jantina yang bertentangan dengan jantina dengan lelaki. Manakala wanita adalah gelaran bagi seorang perempuan yang tahap perkembangan usia 20-40 tahun. Perempuan atau wanita ini mempunyai sifat-sifat feminin iaitu ciri yang bersifat lemah lembut dan biasanya dimiliki dan dikaitkan dengan golongan wanita yang menggambarkan watak dan perwatakan kewanitaan. Hal ini kerana sifat kejadian pada diri wanita yang halus dan lembut. Feminin boleh dilihat misalnya dari segi berpakaian fesyen yang menyerlahkan seseorang itu adalah wanita, dari segi gerak tubuh badan dan penggunaan bahasa yang bersifat lemah lembut dan ayu dan sebagainya. Secara khususnya juga, wanita adalah di kalangan ibu, isteri, mak saudara, anak perempuan, dan sebagainya.

Selain itu, dalam agama Islam, wanita merupakan ciptaan Allah SWT yang paling istimewa bahkan dalam kedudukan wanita juga sangat mulia dan terhormat. Sebelum kedatangan Islam, kedudukan wanita dipandang dihina oleh orang Quraisy bukan Islam sehingga bayi perempuan yang baru lahir akan

ditanam hidup-hidup kerana kepercayaan mereka yang menganggap bayi perempuan membawa kepada nasib yang malang. Namun selepas kedatangan agama Islam telah mengangkat kedudukan wanita yang paling istimewa kerana wanita mempunyai kelebihan dalam mengandungkan dan melahirkan anak dan tidak dimiliki oleh kaum lelaki. Rasulullah SAW juga mengutamakan kedudukan ibu sebanyak tiga kali kemudian diikuti dengan bapa. Hal ini kerana kepayahan dan pengorbanan seorang ibu melahirkan dan menjaga anak dengan penuh cinta dan kasih sayang. Maka dari itu jelas bahawa wanita mempunyai kebolehan dalam apa jua tindakan yang dilakukan kerana wanita seorang yang kuat dan tabah menghadapi apa jua dugaan dengan sabar serta ingin mendapatkan keredhaan Allah.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan tentang peranan watak dan perwatakan golongan wanita dan kepentingan jati diri seseorang wanita dalam karya Zurinah Hassan yang berjudul *Hatimu Aisyah*. Oleh itu, perwatakan dan jati diri golongan wanita yang terdapat dalam novel tersebut dipertengahkan dalam kajian ini untuk ditonjolkan amalan dan peranan perilaku yang dilakukan dalam kehidupan seharian mereka. Perwatakan wanita ditonjolkan adalah memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kaum wanita yang juga mempunyai hak mereka sendiri sehingga tidak boleh diperlakukan sesuka hati, (Awang Azman, 2018). Seperti yang terdapat dalam novel ini, Zurinah Hassan menerapkan amalan dan budaya dalam kehidupan watak utama iaitu Aisyah yang telah dilatih dan dididik dengan adat tradisional dan pantang larang serta patuh dengan norma

masyarakat dan orang tua-tua. Walau bagaimanapun, didikan tersebut memberi kebaikan yang baik dan mendidik Aisyah menjadi seorang anak perempuan dan bergelar isteri dan ibu yang rajin bekerja dalam pengurusan rumah tangga. Namun, Aisyah sering digambarkan “wajib” dan patuh dengan kata-kata ibu bapanya juga kadang-kadang berasa dirinya malang kerana tidak mampu untuk melawan dan bersedih asyik dimarahi oleh ibunya tidak menyiapkan kerja seperti yang dikehendaki ibunya. Selain itu, menjadi persoalan apakah dan bagaimanakah perwatakan seseorang wanita yang ditonjolkan dalam novel ini yang dapat dikategorikan kepada anak perempuan, isteri dan ibu?

Selain itu, pengkaji juga mendapati karya-karya novel Zurinah Hassan tidak begitu banyak yang mengkaji dan menjalankan kajian penyelidikan. Namun sebaliknya karya-karya beliau dalam bidang puisi banyak mendapat sambutan. Karya Zurinah Hassan sememangnya karya yang sangat menarik kerana bentuk penulisannya yang cukup kreatif dan unik. Seperti melalui novel *Hatimu Aisyah* ini juga banyak dan cukup memberi gambaran dengan lebih jelas terhadap peranan dan perwatakan serta personaliti golongan wanita.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah :

- i. Apakah perwatakan seseorang wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan?
- ii. Bagaimana jati diri seseorang wanita menjadi penting dalam menjaga kehormatan diri dan berperanan dalam pembangunan generasi yang berakhlak?

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian dalam penyelidikan ini adalah :

- i. Mengenal pasti perwatakan wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan.
- ii. Menganalisis kepentingan jati diri seseorang wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan.
- iii. Menganalisis perwatakan wanita dengan mengaplikasikan teori feminism dalam novel *Hatimu Aisyah*.

## 1.5 DEFINISI KONSEP

Dalam melaksanakan kajian ini, beberapa istilah dengan konsep projek penyelidikan diberikan. Konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini diberi penjelasan dari sudut definisi seperti berikut.

### 1.5.1 Perwatakan

Perwatakan definisikan merupakan perihal dan perilaku terhadap watak. Biasanya dalam apa jua bentuk penghasilan karya, watak dan perwatakan amatlah penting untuk mewarnai serta menghidupkan sesuatu cerita. Perwatakan adalah salah satu kreativiti seseorang pengarang dalam mencipta watak dengan menyusun bagaimana pengarang itu memperlakukan watak-watak ciptaannya secara sistematik. Tanpa perwatakan dalam cereka tidak dapat menghidupkan watak serta mencacatkan plot cerita. Hal ini kerana perwatakan merupakan satu

penggerak yang dapat membawa khalayak mengenali dan memahami sehingga perjalanan ke akhir cerita. Oleh itu dalam setiap karya, pengarang memainkan peranan penting bagi memastikan dan menghidupkan setiap watak dengan menggunakan pelbagai teknik bagi melengkapkan keadaan dan perihal seseorang watak dalam penghasilan karyanya ( Kassim Ahmad, 1964 ).

### **1.5.2 Jati diri**

Jati diri biasanya merujuk kepada keperibadian seseorang individu, bangsa maupun negara. Jati diri didefinisikan sifat atau ciri-ciri yang unik dan istimewa yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu bangsa dan negara. Dari segi pengertian konsep pula adalah ciri-ciri dalaman seseorang individu dan ciri-ciri keperibadiannya tentang identiti atau sifatnya. Daripada Jabatan Penerangan Malaysia (2016). biasanya jati diri terhasil dalam diri seseorang melalui nilai-nilai murni yang diamalkan sejak dari kecil yang dianggap sebagai inti pati kepada jati diri seseorang itu. Namun ia mungkin sukar maupun sebaliknya untuk mengubah keperibadiannya itu kepada yang lain. Oleh itu jati diri seseorang boleh dilihat secara asli atau semula jadi dan juga ia agak tersembunyi.

### **1.5.3 Wanita / Perempuan**

Wanita atau perempuan adalah perlawanan bagi jantina lelaki. Sejak zaman dahulu lagi, wanita yang bergelar isteri dan ibu biasanya berperanan dalam mengurus rumah, menjaga anak-anak, menjaga

makan minum suami dan hal-hal yang yang berkaitan dalam urusan rumah tangga sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Hatimu Aisyah* ini, watak Aisyah telah dididik untuk membantu ibunya menjaga adik-adiknya dan membantu ibunya dalam pekerjaan yang berkaitan dengan kerja rumah seperti menyapu, memasak, menjahit dan menganyam, mencuci pinggan dan baju, dan sebagainya. Ini jelas terbukti wanita atau Aisyah itu seorang yang tabah dan sangat taat pada perintah orang tua dalam organisasi kekeluargaan.

## 1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada perwatakan-perwatakan wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* dan kepentingan jati wanita. Konsep perwatakan wanita ini perihal yang dilakukan oleh kaum wanita yang juga mencerminkan personaliti seseorang itu. Selain itu, perwatakan wanita yang terdapat dalam novel ini memberi perkongsian dan pengetahuan secara langsung mahupun tidak langsung kepada khalayak mengenai pengalaman hidup yang dialami oleh golongan wanita terutamanya Aisyah. Dengan ini khalayak sama ada lelaki mahupun perempuan dapat merasai penyampaian pengarang terhadap perilaku wanita yang hidup dengan secara tradisional dan perubahan arus pemodenan.

Skop kajian ini juga dilakukan dengan mengaplikasikan teori Feminisme bagi melaksanakan projek penyelidikan ini. Teori feminism digunakan disesuaikan dengan tajuk dan kajian berkenaan perwatakan wanita dalam sebuah novel sastera.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini memberikan sumbangan kajian dalam bidang akademik bagi membantu pelajar atau para sarjana mendapatkan bahan rujukan berkenaan kajian yang ingin dijalankan. Bukan itu sahaja, diharapkan para sarjana dapat mengkaji kajian ini dengan objektif kajian dan mengaplikasikan teori-teori yang berlainan terhadap novel *Hatimu Aisyah* serta karya sastera Zurinah Hassan. Pendekatan teori feminism digunakan dalam kajian ini dapat memberi pendedahan terhadap menitikberatkan golongan wanita yang telah dididik dengan adat tradisional sehingga harus menerima perubahan arus pemodenan.

## 1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya adalah bab satu ini merupakan penerangan yang dilakukan secara terperinci yang terbahagi daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, skop dan batasan kajian dan kepentingan kajian. Pendahuluan ini telah mendedahkan secara ringkas dan padat yang berkaitan dengan tajuk kajian ini bagi mengukuhkan kajian yang dilaksanakan. Oleh itu, kajian ‘Perwatakan Wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan’ ini akan membantu para sarjana yang bakal menjalankan kajian karya beliau dengan pelbagai teori yang boleh diaplikasikan terhadap isu-isu yang ingin dikupas. Maka, pendahuluan ini merupakan kerangka panduan yang mampu memberi impak kepada para pengkaji pada masa akan datang.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

Abdul Halim Ali dan Ida Roziana Abdullah (2018) dalam *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* di Universiti Sultan Zainal Abidin yang bertajuk Ciri-ciri Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ Karya Aminah Mokhtar. Hasil kajian mendapati nama pengkarya tersebut antara penulis-penulis wanita yang terkenal dalam penglibatan penulisan novel di Malaysia pada akhir 1990-an dan abad yang ke-21. Justeru hasil dapatan kajian, kajian ini menganalisis dari segi konsep Feminisme Talbiah yang harus wanita Melayu Muslim untuk menyerah diri kepada Allah dan pula ia yang terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek luaran seperti personaliti (yang berakhlak), ketakwaan (taat perintah Allah) dan budaya (adat Melayu dan agama Islam). Aspek yang kedua adalah aspek dalam seperti psikologi (pemikiran tajam dalam tindakan) dan kerohanian. Kedua-dua aspek dibentuk untuk melahirkan wanita Melayu Islam. Sebagai seorang wanita Melayu yang beragama Islam harus mengamalkan dan berpegang teguh dengan ajaran Islam dengan menjaga kehormatan diri daripada orang yang bukan muhrim, mentaati perintah Allah dan membentuk personaliti dan peribadi yang cukup kuat dengan bimbingan-bimbingan ajaran Islam. Konsep berikut telah mengetengahkan ciri-ciri perwatakan yang ada pada wanita Muslim dengan berlandaskan Al-Quran dan sunnah.

S. Vinesh Raj, Manonmani Devi dan M.A.R Annamalai (2019) dalam *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* yang bertajuk

Kedudukan Watak-watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen “Ammavuku” Menerusi Kajian Subaltern. Hasil kajian mendapati cerpen Ammavuku daripada penulis yang bernama Saras ini meliputi kedudukan wanita subaltern dalam sesebuah organisasi kekeluargaan yang ditindas oleh golongan lelaki. Selain itu juga, kedudukan wanita subaltern dalam cerpen tersebut juga dilihat masalah wanita dalam sistem patriarki yang mana golongan wanita dipinggirkan dalam kehidupan seharian bahkan lelaki adalah golongan yang terpenting dalam kehidupan. Tiga perspektif yang dikaji dalam cerpen Ammavuku dengan menggunakan Teori Subaltern iaitu kedudukan wanita sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Secara langsung mahupun tidak, ibu berperanan dalam menanggung semuanya untuk membesarakan anak-anak bersendirian juga seorang bapa tidak menyokong dari segi kewangan sekali. Kedudukan isteri yang dianggap seorang gaji yang akur tanpa mempersoalkan suaminya kerana suami yang berkuasa mutlak. Seterusnya sebagai seorang anak perempuan juga tidak berhak untuk menyuarakan mahupun memberi pendapat dalam keluarganya melainkan anak lelaki sahaja. Jelas kajian ini melihat kedudukan wanita subaltern dalam cerpen tersebut yang berada di kedudukan di bawah dalam institusi kekeluargaan.

Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Muhammad Adnan Pitchan (2017) melalui *Journal of Social Sciences and Humanities* dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertajuk Peranan Wanita dalam Institusi Kekeluargaan : Perbincangan Perspektif Islam. Menerusi perspektif Islam, wanita berperanan penting dalam pembentukan keluarga dan masyarakat Islam yang harmoni. Walau bagaimanapun , lelaki harus memimpin wanita agar menjadi wanita yang sempurna di sisi Allah SWT dan membentuk institusi kekeluargaan mengikut perspektif Islam. Hal ini kerana isteri adalah

pembimbing keluarga dalam rumah suaminya. Menerusi kajian ini, dalam masa yang sama juga wanita harus mengimbangi urusan rumah tangga dengan melaksanakan ibadah kepada Allah, menjaga dan mendidik anak-anak, menutup aurat dan menjaga kehormatan diri serta mentaati dan menjaga keperluan suami, menyayangi dan merawat kebajikan ibu bapa. Selain itu, wanita juga berperanan dalam menyampaikan dakwah , berjihad dan mendapatkan pendidikan dan mempunyai pendapatan bagi pembentukan kekeluargaan dan masyarakat Islam.

Muhd Norizam Jamian dan Nursyaza Ilyana Shahruddin (2020) dalam Jurnal Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang bertajuk Kepimpinan Wanita dalam Novel Matriark Karya Samsiah Mohd. Nor. Menerusi kajian ini mengaplikasikan teori kepimpinan transformasi daripada Burns (1978) dan Bass (1990) terhadap citra wanita dalam novel Matriark sebagai seorang pemimpin organisasi dan mempengaruhi dan membangunkan pengikutnya. Hasil kajian, terdapat empat ciri yang dinyatakan dalam teori tersebut terhadap gambaran wanita sebagai seorang pemimpin. Pemimpin wanita yang berkarisma adalah pemimpin yang sanggup berani mengambil risiko demi mencapai kepentingan matlamat dan menjadi teladan kepada orang bawahannya. Pemimpin yang mempunyai rangsangan intelek secara tidak langsung mengajak sesebuah organisasinya berfikiran kreatif. Selain itu memberi motivasi dan inspirasi kepada pengikutnya agar dapat memberikan semangat yang tinggi dalam menyahut cabaran yang mendarang. Pertimbangan individual yang ada pada seseorang pemimpin itu mewujudkan keselesaan kepada pengikutnya dalam menyakini kepercayaan terhadap seorang pemimpin yang baik melayani orang lain.

Nur Syifaa Atikah dan Che Abdullah (2018) melalui Jurnal Wacana Sarjana daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk Watak Wanita dalam ‘Bidadari’ Dari Perspektif Ginokritik : Penelitian Psikologi dan Budaya. Menerusi kajian ini menganalisis watak wanita dalam novel Bidadari yang mengangkat martabat wanita dalam konflik yang dihadapi dengan mengaplikasikan teori Ginokritik. Antaranya adalah membuktikan seseorang wanita adalah wanita yang tabah menghadapi segala dugaan, memprotes akan sesuatu tindakan yang melampaui batas, mempunyai personaliti yang matang dalam model psikologi Ginokritik. Selain itu adalah model budaya Ginokritik yang bersumberkan kekuatan wanita dalam membentuk sesama wanita. Watak-watak wanita dalam sesebuah novel ini memberi pendedahan terhadap kehidupan wanita yang sebenar dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Ravindaran Maraya dan Krishnan Maniam (2018) melalui *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* dari Universiti Malaya yang bertajuk Citra Wanita dalam Novel R. Kartigesu : ‘Vahnathu Veligal’. Hasil daripada analisis ini menggambarkan watak-watak wanita dalam novel Vahnathu Veligal ini yang tidak dapat berfikir secara rasional, tidak dapat membezakan perkara baik dan buruk, tidak berpendidikan dan berpendidikan dan secara ringkasnya mengalami citra wanita yang merana. Melalui hasil ini wanita yang mudah diperalatkan oleh lelaki untuk mendapat matlamatnya sehingga mengorbankan diri kepada lelaki. Keadaan hidup yang mendesak dan terdesak menyebabkan lelaki mudah memanfaatkan wanita sehingga wanita itu sendiri menyesal dan merana.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2012) melalui *Gema Online Journal of Language Studies* yang bertajuk Wanita Sebagai Objek Seks : Penangananya Dalam Novel Bila Hujan Malam. Hasil analisis kritis ini menggambarkan tentang seorang wanita yang telah dijadikan objek seks dalam novel Bila Hujan Malam. Melalui kajian ini diaplikasikan teori Persuratan Baru dan kajian ini diteliti oleh pengkaji tersebut dengan watak wanita yang telah dijadikan objek seks oleh ayah angkatnya sendiri. Tindakannya itu tidak disedari oleh watak wanita yang bernama Hayati kerana diberi coklat perangsang oleh ayah tirinya. Mendalam dengan lebih mendalam, Hayati adalah watak wanita yang terutama dalam novel sebagai objek seks dan secara langsung wanita ini berperanan utama dalam novel tersebut.

Nurhasmira binti Mat Rusok (2019) melalui tesis di peringkat Ijazah Master Sastera yang bertajuk Emansipasi Wanita dalam Novel-novel Pilihan. Pembebasan dan persamaan wanita sentiasa hangat diperdebatkan sehingga kini sejak tahun 1920-an dengan mengaplikasikan teori Feminisme dan pendekatan Islam. Wanita yang dibahagikan kepada dua iaitu tradisi dan moden turut dijelaskan dalam novel-novel yang terpilih. Melalui hasil kajian ini dapat membantu mewujudkan persefahaman, *role model* peranan seseorang wanita, wanita yang dapat memupuk tali persaudaraan.

Maryam Habibah Kamis dan Indriaty Ismail (2015) yang bertajuk Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal El Saadawi. Nawal antara tokoh Mesir terbesar yang mengangkat pemikiran feminism Islam melalui penulisan karya-karya beliau dari aspek pendidikan, pekerjaan, penglibatan kekeluargaan dalam perkahwinan dan poligami. Wanita selain pekerjaannya menenun dan

menjahit kain, mereka hanya mendapat pendidikan dalam membaca dan menulis sahaja kerana terikat dengan sistem patriarki. Isteri yang bekerja sebagai suri rumah sepenuh masa tanpa bantuan suami dan tidak mendapat sebarang bayaran menyebabkan pengkarya itu mengangkat isu emansipasi wanita. Hak persamaan antara lelaki dan perempuan dalam institusi kekeluargaan turut dipertikai dalam karyanya seperti anak yang terpaksa berhenti pengajian kerana dipaksa berkahwin dan sebagainya. Secara ringkasnya terdapat isu-isu wanita dipertikaikan dan melalui penulisan karya ini Nawal El Saadawi mengangkat isu feminism Islam bagi meleraikan kesengsaraan akan status wanita dalam kehidupan pada waktu itu.

Yuke Lestari, Elmustian dan Syafrial (2017) dalam Pengajian Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Universiti Riau yang bertajuk Peranan Perempuan dalam Novel Megat Karya Rida K Liamsi. Hasil daripada analisis ini terdapat enam yang dipecahkan perempuan yang berperanan sebagai ibu, isteri, dalam institusi kekeluargaan, peribadi dirinya, dalam masyarakat dan dalam pekerjaan dalam novel Megat. Setiap peranan yang dilakukan adalah sikap personaliti yang dimiliki bersifat lemah lembut, penyayang dan ingin melakukan yang terbaik buat ahli keluarganya. Justeru untuk mewujudkan satu komuniti yang baik mempunyai komunikasi yang baik dengan ahli masyarakat juga harus diambil kira serta perempuan yang bukan sahaja berperanan dalam pekerjaannya tetapi juga berperanan dalam memastikan rumah tangga terjaga.

Nur Zalikha binti Mat Radzi, Nasirn Abdillah dan Daeng Halizah Daeng Jamal (2020) dalam *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)* yang bertajuk Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan Menerusi

Perspektif Elaine Showalter Model Bahasa. Secara keseluruhan analisis tersebut mengaplikasikan model bahasa pendekatan Ginokritik gagasan Elaine Showalte yang banyak digunakan oleh pengkarya itu dalam menyampaikan perlambangan wanita secara tersirat dalam novel Hatimu Aisyah. Gaya bahasa metafora dan bahasa-bahasa kiasan yang digunakan adalah simbolik sebagai mesej perumpamaan yang hendak disampaikan. Sebagai contoh bunga yang diberikan kepada sifat wanita yang sangat cantik akan pada parasnya. Selain itu, bahasa yang memberi sesuatu ungkapan gaya bahasa wanita terhadap reaksi wanita dalam menzahirkan ketidakpuasan.

Rosnani Bt Md Zain dan Nik Radidah Nik Muhamad Affendi (2018) melalui Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah yang bertajuk Karisma Wanita dalam Novel Nenek karya Razali Endun. Menerusi kajian ini wanita dalam novel Nenek ini memiliki sifat yang mampu mempengaruhi orang lain dengan ilmu dan pakar serta tulus. Wanita juga berkebolehan menjadi seorang pemimpin berkarisma dengan melihat tingkah laku yang mengambil berat akan orang bawahannya. Melalui hasil kajian, seseorang yang sudah berusia juga jelas terserlah dalam mengetuai mempertahankan hak penduduk kampung. Hal ini kerana daya tarikan peribadi dan berani tampil dengan aura semangat mampu meyakinkan pengikut-pengikutnya. Selain itu wanita yang berkarisma dalam mempertahankan warisan Melayu sehingga mendapat perhatian daripada pelancong asing untuk dibawa balik ke negara asalnya. Seterusnya karisma yang wanita bertanggungjawab dalam menjaga dan merawat ibu meski sudah berumah tangga.

Siti Khariah Mohd Zubir (2012) melalui Pendeta : Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang bertajuk Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu. Kehidupan masyarakat Melayu diserapkan dalam pantun tradisional dan terdapat daripadanya menempatkan kedudukan wanita Melayu lebih tinggi tarafnya daripada golongan lelaki yang dipercayai wanita atau digelar ibu lebih harus dihormati. Sikap masyarakat wanita Melayu yang penuh dengan sopan santun dan tahu menjaga batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan serta menjaga lisan dengan yang baik-baik dizahirkan dengan kebijaksanaan berpantun.

Anisa Kuniawati, Lili Liana, Nandya Putriani Asharina dan Indra Permana (2018) melalui Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia yang bertajuk Kajian Feminisme dalam Novel “Cinta Itu Luka” Karya Eka Kurniawan. Penerapan teori feminism diaplikasikan dalam bentuk pandangan golongan lelaki terhadap wanita dan cara wanita itu mengatasi dirinya dalam sesebuah karya yang dianggap ketidakadilan gender dalam masyarakat patriark. Hasil analisis tersebut menggambarkan golongan wanita yang cantik ditindas dan diperalatkan dan terpaksa menjadi pelacur semasa zaman penjajahan Jepun serta sebagai pertukaran barang. Bukan setakat wanita cantik ditindas dalam penulisan teks tersebut namun juga penindasan terhadap wanita yang hodoh turut dijadikan sebagai objek seks. Akhirnya pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa teks dalam karya ini pada sisi feminism perempuan dalam berada “topeng-topeng feminin” untuk kepuasan lelaki.

Syarifuddin (2019) melalui Jurnal ADABIYA daripada Universiti Islam Negeri Ar-Raniry Banda Aceh yang bertajuk Perwatakan Tokoh Pergerakan

Feminisme dalam Novel Ahlam Al-Nisa Al-Harem Karya Fatima Mernissi (Sebuah Kajian Strukturalisme Genetik). Menerusi kajian ini adalah perjuangan para wanita di Fez Maroko dalam melepas tradisi masyarakat itu yang bertahun-tahun berada di sebalik dinding yang menjadi penghalang bagi mereka untuk melihat dunia luar. Justeru ia merupakan pengasingan golongan wanita dan lelaki yang bukan mahram yang mana lelaki boleh menikmati kehidupan di luar rumah berbanding wanita. Perjuangan ini adalah membebaskan diri mereka daripada tradisi mereka sendiri yang membataskan ruang pergerakan wanita serta meningkatkan darjah mereka sama dengan lelaki.

Aning Ayu Kusumawati (2013) melalui Jurnal Bahasa, Peradaban dan Informasi Islam yang bertajuk Feminisme Islam dalam Novel Abidah El Khalieqy. Hasil penelitian, terdapat banyak persoalan yang dikemukakan oleh watak dalam novel tersebut yang membincangkan tentang aktiviti yang dilakukan oleh golongan lelaki berbanding wanita yang mengurus kediaman rumah tangga. Selain itu poligami yang diutarakan dalam karya tersebut memberi kesan berat sebelah terhadap isteri yang lain. Secara ringkasnya memberi reaksi terhadap penentangan wanita dalam sistem patriark yang berasa tidak adil dan memberi beribu persoalan.

Rusdian Noor D (2015) melalui Jurnal Ilmu Kebahasaan, Kesastraan, dan Pembelajarannya yang bertajuk Pribadi Muslimah dalam Novel Pingkan Sehangat Mentari Musim Semi Karya Muthmainnah : Perspektif Feminisme Islam. Mendalami analisis ini terdapat ujian yang dihadapi oleh watak muslimah yang sedang melanjutkan pembelajaran di Australia. Namun demi mendalami dan mempertahankan agama Islam berjaya menghadapi segala dugaan. Sikap

peribadinya yang baik mengikut syarak Islam dalam novel ini banyak disenangi dan diteladani oleh beberapa orang meski bukan seagama dengannya.

Norhayati Ab. Rahman (2020) melalui Jurnal Pengajian Melayu dari Universiti Malaya yang bertajuk Imej Wanita Korporat dalam Teks Kesusasteraan Melayu Moden Malaysia : Daripada Lensapengarang Wanita. Hasil kajian ini melihat kejayaan lakaran imej wanita korporat di negara ini selaras dengan genre novel penulisan teks kesusasteraan. Walaupun terdapat persoalan dan pengkajian pelbagai perspektif wanita dalam karya , namun terdapat juga keupayaan dan kebolehan wanita dalam mewujudkan rangkaian perniagaan dalam penulisan teks sastera. Hal ini kerana wanita memiliki sikap wawasan dan motivasi yang amat tinggi untuk mencapai kejayaan dalam perniagaan.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2013) melalui Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN) yang bertajuk Ikon Wanita Melayu-Islam dalam Novel Tunggu Teduh Dulu. Watak utama dalam novel tersebut adalah wanita yang menunjukkan beberapa reaksi dan tindakan yang baik ketika datang musibah dengan menunaikan solat sunat dan tahajud sera membaca Al-Quran untuk mendapatkan ketenangan hati. Mendoakan kesejahteraan orang lain turut dipaparkan bahkan sikap-sikapnya bukan sahaja dapat dapat memartabatkan dalam Islam tetapi juga diterapkan dan diteladani dalam karya kesusasteraan.

Chrisna Putri Kurniati (2017) melalui Dinas Kebudayaan dan Pariwisata Provinsi Riau, Pekanbaru yang bertajuk Citra Perempuan Dalam Novel Burung

Tiung Seri Gading Karya Hasan Junus. Menerusi analisis, citra wanita dalam kajian ini memberi teladan yang baik sebagaimana isteri harus memainkan peranan berhias diri kepada suami agar hati suami sentiasa senang meski banyak tekanan yang harus dikendalikan dalam pekerjaan. Selain itu gambaran wanita yang sentiasa setia bersama suami di kala suka dan duka dan sebagainya.

Yulia Nasrul Latifi (2016) melalui Jurnal Studi Gender dan Islam yg bertajuk Rekonstruksi Pemikiran Gender dan Islam dalam Sastra : Analisis Kritik Sastra Feminis Terhadap Novel Zaynah Karya Nawal As-Sa'dawi. Terdapat penindasan berlaku di golongan wanita seperti anak hasil daripada luar nikah dan sebagainya serta melepaskan dan memperjuangkan masalah yang dihadapi dengan feminism Islam.

Noor Aida Mahmor dan Nasihah Hashim (2015) melalui *Jurnal of Education and Social Sciences* yang bertajuk Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-kanak Upin dan Ipin. Sifat biologi dan susuk tubuh badan wanita adalah citra wanita dalam kajian ini seperti yang terdapat juga antara puisi Siti Hawa Saleh (2013) yang menggambarkan personaliti wanita Melayu seperti yang terdapat pada watak-watak wanita Melayu dalam karya animasi terdapat. Wanita yang pelbagai penampilan yang tersendiri dengan memperagakan adat dan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, bahasa yang sopan dan santun turut digambarkan dengan memberi bahasa yang baik serta menjadi teladan kanak-kanak yang lain.

A. Milawasri (2017) melalui Jurnal Bindo Sastra dari Universitas Tradinanti Palembang yang bertajuk Analisis Karakter Tokoh Utama Wanita dalam Cerpen Mendiang Karya S. N. Ratmana. Pengkaji ini menganalisis karakter atau perbuatan watak utama wanita dengan cara analitik iaitu seperti teknik pemerian secara langsung dan dramatik seperti pergerakan yang dilakukan. Menerusi hasil kajian ini juga pengkaji memberikan gambaran dan persoalan terhadap karya tersebut. Beliau menjelaskan dengan huraian dan fakta dengan jelas yang terkandung dalam cerpen tersebut.

Riyan Susilo Putri, Abdurahman, Bakhtaruddin (2013) melalui Jurnal Bahasa dan Sastra yang bertajuk Citra Tokoh Wanita dalam Novel Aku Bukan Budak Karya Astina Triutami. Citra wanita adalah gambaran keperibadian yang boleh dilihat dari segi cara berkomunikasi, cara berpakaian, cara ia bertindak dan sebagainya. Menerusi kajian ini, penyabar adalah salah satu citra yang terdapat pada watak utama wanita dalam novel ini yang sabar menjalani kehidupan yang sukar. Peramah dan lemah lembut serta penyayang yang ada pada diri wanita dijelaskan dalam kajian tersebut.

Jumianti Diani (2018) melalui Jurnal PENA Indonesia yang bertajuk Citra Sosial Perempuan Dalam Cerpen Kartini Karya Putu Wijaya : Tinjauan Kritik Sastra Feminis. Menerusi cerpen ini, watak wanita bernama Ami seorang yang berani tampil berpidato terhadap pendapatnya di hadapan orang ramai semasa memperingati Hari Kartini iaitu mengenai tokoh wanita seorang pejuang dan pendekar dalam mempertahankan hak-hak wanita pada abad ke-20 di Indonesia. Ami juga yang digambarkan seorang wanita cerdik dalam berpidato dengan mengaitkan pembawaan pemikiran sejarah tokoh wanita itu dengan

mengatakan Kartini mengajarkan para wanita untuk berfikir dan tidak mengulangi sejarah lampau.

Hasindah Mawarni dan Sumartini (2020) melalui Jurnal Sastra Indonesia yang bertajuk Citra Wanita Tokoh Utama Rani Novel Cerita tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastra Feminis. Menerusi pengkaji tersebut mengatakan citra diri wanita terbahagi kepada fizik dan psikologi yang berkaitan dengan nilai dalam masyarakat. Citra aspek fizik wanita adalah pengalaman atau kehidupan yang dijalani tidak dialami oleh kaum lelaki seperti menyusukan anak misalnya. Hasil daripada analisis citra wanita digambarkan dengan peranan-peranan watak wanita sebagai ibu, isteri dan anak yang tegas, prihatin, dan sebagainya.

Irfai Fathurohman (2020) melalui Jurnal Pendidikan, Perbahasaan dan Kesusastraan Indonesia yang bertajuk Feminisme Dalam Citra Kehidupan Puisi Luka Cinta Karya Yudhistira Anm Massardi : Kajian Strukturalisme. Wanita yang selalu hadir dengan masalah percintaan tetap berusaha bangkit dan tabah dari duka dan luka serta tidak menampakkan dirinya yang menghadapi masalah dan kesedihan. Wanita juga yang turut digambarkan kebebasan dalam menjalani aktiviti yang ingin dilakukan dalam puisi pengkarya tersebut.

Abdullah Yusof dan Rahimin Affandi Abd. Rahim (2010) melalui Jurnal Al-Tamaddun yang bertajuk Konsep Feminisme Islam di Dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. Menerusi kajian ini jelas menunjukkan filem tersebut memaparkan nilai-nilai Islam yang jelas terserlah kepada feminism Islam. Selain itu, watak wanita juga dilihat mampu berjaya menjadi penulis yang baik daripada watak

lelaki. Pendidikan juga amat penting kepada wanita khususnya pendidikan Islam bagi menetapkan syarak ang berpandukan kitab suci Al-Quran. Maka tidak akan ada penindasan yang berlaku terhadap golongan wanita dengan bukti daripada ayat suci Al-Quran.

Nor Hashimah Jalaluddin, Mariati Mokhtar dan Zaharani Ahmad (2014) melalui *Journal of Language Studies* yang bertajuk Imej Wanita dalam Undang-undang Melaka : Pembuktian Linguistik. Menerusi analisis ini, skema imej tipologi wanita adalah SEBAHAGIAN-KESELURUHAN dan mewujudkan serta mementingkan hukum-hakam terhadap wanita. Dinyatakan bahawa terdapat fasal dan hukum khiyar, hukum talak, syahid, saksi nikah dan sebagainya dalam Undang- undang Melaka. Hukum khiyar misalnya, walaupun talak adalah kuasa lelaki, namun keredhaan wanita turut diambil kira jika melibatkan masalah penyakit. Hukum tersebut untuk melindungi pihak yang mungkin tidak mendapatkan hak yang seharusnya. Namun fasal dan hukum ini adalah untuk menjaga kehormatan diri.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

#### 3.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dan pendekatan yang digunakan bagi memantapkan kajian penyelidikan ini. Kajian ini mendedahkan mengenai kaedah kajian dalam mengenalpasti perwatakan dan jati diri golongan wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan dan data sekunder. Aspek yang digunakan adalah dengan pengumpulan data dan pendekatan teori yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis terhadap kandungan teks menerusi novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan.

#### 3.1 METODOLOGI KAJIAN

Menerusi skop kajian ini, kaedah kualitatif digunakan untuk mengenalpasti perwatakan wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* dan kepentingan jati diri seseorang wanita dengan menggunakan data bentuk deskriptif. Data berbentuk deskriptif adalah kaedah yang digunakan dalam memberi gambaran terhadap suatu fenomena dengan lebih mendalam dan terperinci. Maka kaedah deskriptif ini bertujuan untuk mendapatkan

pengetahuan dengan lebih meluas terhadap kajian yang dikaji melalui analisis verbal, pemerhatian dan penelitian dokumen iaitu dalam novel *Hatimu Aisyah*.

Analisis verbal merupakan suatu analisis dan pemerhatian dengan lebih teliti terhadap teks novel. Analisis ini digunakan untuk melihat apakah perwatakan dan kepentingan jati diri wanita. Data-data ini diperolehi melalui teknik menganalisis data kualitatif iaitu dari segi pembacaan, penerangan dan pentafsiran. Pemilihan penggunaan kaedah kualitatif ini adalah untuk menganalisis perwatakan-perwatakan wanita di samping menganalisis terperinci jati diri seseorang wanita dalam novel selaras dengan objektif kajian. Metodologi ini memfokuskan kepada penghasilan makna bagi mencari dan memberi keterangan.

Kaedah kajian ini juga merujuk kepada pengumpulan data-data yang berkaitan melalui data sekunder yang merujuk kepada bahan rujukan. Bahan rujukan ini merujuk kepada kaedah kepustakaan seperti menggunakan rujukan buku-buku ilmiah, internet dan laman rasmi bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan.

#### a) Bacaan

Melalui kajian ini, bacaan merujuk kepada hasil pembacaan kajian iaitu daripada novel *Hatimu Aisyah*. Melalui pembacaan novel dapat memahami plot cerita yang disampaikan oleh pengarang kepada khalayak. Maka dari itu

pengkaji ingin mengkaji terhadap golongan wanita terutamanya yang menjadi isu watak utama dalam novel mengenai konflik dan isu yang dihadapi sepanjang dalam cerita novel ini. Hal ini kerana kisah yang dihadapi oleh golongan wanita amatlah menarik kerana didikan orang-orang tua kepada anak perempuan dalam budaya tradisional memberi kesan kepada watak wanita itu sendiri selepas mengalami perubahan pemodenan yang besar pada dirinya. Maka pengkaji akan mengenal pasti perwatakan-perwatakan wanita dalam novel ini dan bagaimana pentingnya mempunyai jati diri terhadap seseorang wanita itu sendiri.

### b) Penerangan

Berdasarkan daripada pembacaan teks kajian novel, pengkaji mampu memberikan penerangan terhadap analisis perwatakan dan jati diri wanita dalam novel. Perkara ini dianggap penting kerana data yang diperoleh daripada pembacaan dapat memberikan penerangan dengan lebih jelas selaras dengan objektif kajian penyelidikan ini.

### c) Pengelasan

Teknik analisis ketiga adalah pengelasan yang dilakukan oleh pengkaji untuk memahami teks kajian secara keseluruhan. Melalui teknik ini juga mampu mengelaskan data-data yang terkumpul kepada pecahan kecil mengikut kategori perwatakan dan kepentingan jati diri. Kaedah pengumpulan data yang digunakan menerusi kaedah kajian ini adalah kaedah analisis yang dilakukan secara kualitatif. Pemilihan kaedah ini bertujuan untuk

mengumpulkan data dan menganalisis dengan lebih teliti agar kandungan maklumat yang diperoleh dapat memudahkan kepada pengkaji untuk menggambarkan kajian dengan lebih teliti dan jelas.

#### d) **Pentafsiran**

Kaedah pentafsiran merupakan proses akhir hasil daripada proses pembacaan yang mendalam terhadap teks yang dikaji, proses penerangan semula yang jelas serta pengelasan mengikut kepada kategori perwatakan dan jati diri wanita. Proses pentafsiran data ini dibuat dengan merujuk kepada beberapa objektif kajian serta permasalahan kajian.

Selain itu, bagi melengkapkan lagi objektif kajian, kaedah kepustakaan juga telah digunakan dalam kajian ini seperti yang dinyatakan dalam Bab 1. Sumber utama adalah hasil teks karya daripada Zurinah Hassan yang berjudul Hatimu Aisyah. Seterusnya pengkaji juga mengemukakan pandangan daripada sumber-sumber yang terbaik untuk dijadikan contoh rujukan bagi memperkuuhkan lagi fakta-fakta dalam kajian ini mengikut kategori seperti berikut :

##### i. **Perwatakan**

Menurut Jones dalam Nurgiyantoro (1995:165) perwatakan adalah gambaran yang jelas tentang seseorang yang ditampilkan dalam sebuah cerita. Jelasnya lagi perwatakan sememangnya akrab dengan watak dan itulah cara pengarang menentukan hubungan

perwatakan dengan watak-watak yang lain. Perwatakan biasanya diberikan oleh pengarang melalui gambaran gaya persekitaran kehidupan seseorang itu seperti melalui berpakaian, percakapan, pergaulan terhadap watak lain (Aminuddin. 1984:87-88) dan sebagainya.

## **ii. Jati diri**

Menurut Kamus Dewan, jati diri mempunyai hubungan yang rapat dengan, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Manakala menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2016), memiliki jati diri yang kukuh dapat mengangkat maruah bangsa dan negara di pentas global dengan penghayatan yang teguh terhadap agama, bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penghayatan mampu membentuk watak dan sifat keperibadian seseorang individu itu sendiri.

## **iii. Wanita**

Dalam Kamus Dewan, wanita didefinisikan sebagai perempuan yang telah dewasa. Manakala wanita atau perempuan dalam definisi Kamus Bahasa Indonesia adalah manusia yang mempunyai faraj, mempunyai datang haid dan mengandung, melahirkan anak dan menyusukan anak. Maka wanita itu adalah sangat istimewa dan agama Islam sangat mengangkat kedudukan wanita itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita yang bergelar ibu sanggup

berkorban dan berjuang dalam melahirkan dan membesarkan anak dengan kasih sayang.

### 3.1.1 Pendekatan Kajian

Kajian yang dilakukan menggunakan pendekatan teori feminism yang berkaitan dengan perwatakan dan jati diri wanita berdasarkan melalui novel karya sastera yang berjudul *Hatimu Aisyah* hasil karya Zurinah Hassan. Feminisme adalah satu gerakan yang melibatkan dan mewujudkan hak dan kepentingan kesetaraan bagi golongan wanita. Namun pendekatan feminism dalam kajian ini merujuk kepada menitikberatkan dan melihat perbandingan golongan wanita dalam novel ini yang amat menarik dan merasai bagaimana kehidupan golongan wanita sebelum wujudnya peradaban arus pemodenan.

## 3.2 TEORI FEMINISME

Teori Feminisme ini lebih memfokuskan kepada wanita yang merupakan teori yang agak penting di Barat dan mempercayai bahawa wanita juga harus mempunyai persamaan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti aspek ekonomi, politik dan sosial dengan kaum lelaki. Teori yang membincangkan tentang perjuangan tempat serta kedudukan wanita yang sedarjat ini dipelopori oleh Elaine Showalter dalam memperjuangkan hak, kedudukan dan memartabatkan dengan memperkasakan kuasa feminis. Teori ini adalah merangkumi sistem idea tentang kehidupan sosial dan pengalaman manusia yang berkembang atas dasar persoalan wanita dalam masyarakat.

Umumnya, teori ini memfokuskan kepada wanita yang dapat dilihat dari tiga sudut iaitu berkisar pada keadaan dan pengalaman kaum wanita, wanita sebagai topik subjek dan persoalan-persoalan wanita yang bertujuan untuk mewujudkan satu kehidupan yang lebih baik.

Melalui pendekatan teori Elaine Showalter ini adalah membuktikan bahawa golongan wanita ini tidaklah selemah yang dianggap oleh golongan lelaki. Hal ini kerana golongan wanita ini sering ditindas serta meletakkan di kedudukan yang terendah. Oleh itu, pendekatan teori Elaine Showalter ini adalah untuk melihat wanita dan memahami perwatakan dan imej serta perjuangan wanita dalam teks-teks yang ditulis. Menurut pelopor tersebut, golongan feminism ini adalah usaha tuntutan mereka dalam menegakkan keadilan dan persamaan hak mempersoalkan pemahaman sosial dalam kelompok masyarakat. Maka teori ini amat penting untuk memfokuskan kesedaran persamaan hak antara wanita dan lelaki dalam semua aspek.


Pendekatan teori ini digunakan untuk memartabatkan kedudukan wanita dengan menilai dan menganalisis perwatakan wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan yang telah dikategorikan kepada tiga pecahan golongan wanita iaitu perwatakan sebagai anak perempuan, isteri dan ibu. Melalui novel tersebut dapat dikaitkan dengan teori feminism yang menjelaskan bagaimana keadaan dan kelakuan watak wanita masyarakat Melayu yang berpegang teguh dengan budaya dan adat Melayu. Teori ini dianalisis dengan pendekatan prinsip-prinsip feminism yang dinyatakan oleh Elaine Showalter dalam menganalisis perwatakan wanita

yang terkandung dalam karya Zurinah Hassan ini iaitu prinsip biologi, pengalaman, psikologi dan sosial. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa golongan wanita berhak dan berperanan penting dalam sesuatu perkara atas kedudukannya.

### 3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada kaedah kepustakaan dan data sekunder. Menurut Hamzah (2010) kaedah kualitatif adalah kaedah yang tidak memerlukan maklumat yang banyak dalam memperoleh maklumat kerana maklumat yang diperoleh adalah berkualiti. Kaedah ini digunakan bagi mengenalpasti perwatakan wanita dan mengkaji kepentingan jati diri wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* selaras dengan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Pengkaji mengumpulkan data-data yang berkaitan melalui data sekunder yang merujuk bahan rujukan seperti kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan seperti, buku ilmiah, internet dan laman rasmi digunakan bagi mendapat maklumat-maklumat tambahan dalam kajian ini. Penggunaan sumber data sekunder ini juga membantu dalam melakukan sorotan kajian bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan rapat dengan tajuk kajian ini.

### 3.4 KERANGKA KONSEPTUAL



### 3.5 KETERANGAN KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual di atas dibentuk bagi memudahkan pengkaji melihat kajian ini secara keseluruhan. Berdasarkan kepada kerangka konseptual ini, perwatakan wanita yang terdapat dalam novel ini adalah sentiasa akur dan taat perintah orang tua, seorang ibu yang tegas dalam mendidik anak-anak dan keprihatinan isteri terhadap suaminya dalam novel *Hatimu Aisyah* dengan berpandukan pendekatan teori feminism. Selain itu, kepentingan jati diri wanita dalam novel ini adalah menjaga kehormatan diri dan memainkan peranan dalam mendidik anak-anak khususnya generasi muda dalam meneruskan warisan dengan mengangkat maruah agama, bangsa dan negara.

### 3.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ketiga ini membincangkan tentang metodologi kajian, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini, penggunaan teori feminism, reka bentuk kajian, kerangka konseptual dan akhir sekali adalah keterangan kerangka konseptual berdasarkan kajian teks terhadap novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan. Metodologi ini dilakukan secara terperinci bagi mendapatkan dapatan kajian bagi memenuhi objektif kajian ini.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DATA KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan dapatan data dan analisis kajian secara terperinci berdasarkan kepada susunan objektif kajian iaitu mengenal pasti perwatakan wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan dengan mengaplikasikan teori feminism dan menganalisis kepentingan jati diri seseorang wanita dalam novel tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana Norhayati AbRahman (2005, p. 154), teori sastera feminism adalah menyelidiki semula teks sastera bagi melihat imej wanita di dalamnya dan memberikan tempat yang sewajarnya. Setiap objektif dikemukakan mengikut langkah-langkah berikut iaitu analisis, rumusan dan perbincangan. Bab ini akan memfokuskan kepada objektif kajian yang pertama iaitu apakah perwatakan-perwatakan wanita yang terdapat dalam novel *Hatimu Aisyah* ini. Melalui novel Zurinah Hassan ini mengandungi latar masyarakat yang terdiri daripada pelbagai perwatakan dan adat kebudayaan. Malahan setiap latar masyarakat ini mempunyai peranan mereka masing-masing dalam menjalani kehidupan seharian. Kajian ini akan memfokuskan kepada perwatakan golongan wanita dari segi kedudukan anak perempuan, isteri dan ibu.

#### 4.1 PERWATAKAN WANITA DALAM NOVEL HATIMU AISYAH

Lazimnya golongan wanita memiliki sifat berlemah lembut dan feminin serta mempunyai pelbagai kelebihan dan kebolehan dalam menguruskan sesuatu pengurusan dalam kehidupan. Berbanding dengan lelaki yang

bersikap sasa dan kasar dalam melakukan pekerjaan yang berat dalam mencari nafkah buat keluarga, isteri dan anak-anak. Walau bagaimanapun menjadi lumrah bagi setiap wanita sejak daripada zaman dahulu lagi mempunyai kelebihan dan perwatakannya yang tersendiri dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita mempunyai personaliti yang berbeza-beza berdasarkan perkembangan diri mereka yang kian dewasa. Selain itu, wanita juga yang mempunyai pelbagai peranan dan tanggungjawab tersendiri sehingga menjadikan diri harus kuat untuk menjadi yang lebih baik untuk dirinya serta untuk di sekitarnya. Hal ini dapat dilihat melalui paparan watak dan perwatakan golongan wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* yang berperwatakan sebagai golongan anak, serta isteri dan ibu.

Anak-anak yang dibesarkan oleh keluarga dengan didikan agama, adat dan kepercayaan masyarakat lazimnya dapat membentuk personaliti dan pembentukan sahsiah diri menjadi insan yang baik. Melalui didikan yang sempurna daripada ahli keluarga dan orang sekeliling , seseorang individu itu dapat membentuk fizikal dan tingkah laku seseorang itu terhadap masyarakat sekeliling dan sebagainya seperti yang diperkatakan oleh Aminuddin (1984:87-88) iaitu perwatakan merupakan gambaran gaya persekitaran kehidupan seseorang itu dapat dilihat melalui berpakaian, percakapan, pergaulan terhadap watak lain. Maka didikan amatlah penting bagi membentuk personaliti dan perwatakan yang baik bagi melahirkan insan yang lebih baik dalam menjalani kehidupan. Oleh itu sebagai ibu bapa hendaklah memberikan pendidikan moral kepada anak-anak serta memberi teladan yang baik dengan mereka agar dapat diaplikasikan oleh anak-anak kelak. Wan

Hassan (2007) menyatakan individu dan keluarga mementingkan ilmu dalam kehidupan mereka sebagai cara hidup akan lebih mudah membuat keputusan yang tepat. Dengan ini seseorang yang berilmu dan beriman dapat membentuk dirinya dengan akhlak yang baik dan perilaku yang baik.

#### **4.1.1 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI ANAK PEREMPUAN**

Melahirkan insan yang memiliki sifat penyayang dan sopan santun adalah didikan moral bermula dari perkembangan keluarga yang mendidik anak-anak dengan agama, adab dan kebudayaan setempat. Hal ini kerana keluarga berperanan dalam menanamkan nilai-nilai murni dan nilai budaya yang sesuai kepada anak-anak agar kehidupan mereka bermakna dengan memikul peranan dan tanggungjawab masing-masing. Sebagai contohnya ibu mendidik anak perempuannya dengan menjalankan kerja-kerja rumah dengan mengemas rumah, menjahit baju, memasak, menjaga adik-adik dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya bapa menegaskan anak lelakinya dengan membiasakan diri dengan kerja-kerja lelaki. Dengan ini dapat menerapkan perilaku yang baik kepada anak-anak agar dapat hidup berdikari dan berani menjalankan amanah dengan baik apabila mereka sudah meningkat dewasa dan berkahwin.

##### **4.1.1.1 Anak Yang Taat Dan Patuh Perintah Orang Tua**

Dalam pembangunan kekeluargaan, anak merupakan perintah dan amanah Allah yang dikurniakan kepada ibu bapa yang seharusnya memelihara, menjaga, melindungi dan mendidik agar dapat menjamin

keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat (YB Hajah Zuraida Md Noor. 2021). Mentaati dan mematuhi ibu bapa adalah salah satu akhlak yang mulia di sisi Allah. Dalam Islam juga mendidik dan memberi pengajaran kepada umatnya untuk menghormati dan mematuhi orang-orang tua seperti yang disampaikan dalam Surah Al-Isra' ayat 23 : *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapamu..."* maka menjadi kewajipan bagi setiap anak-anak untuk bersikap taat dan patuh perintah orang tua bagi mendapatkan keberkatan dan keredhaan Allah dan ibu bapa. Hal ini dapat dilihat seperti mana perwatakan mentaati ibu bapa dalam novel *Hatimu Aisyah* menggambarkan norma-norma masyarakat Melayu dalam membentuk dan mendidik anak-anak muda secara tradisional. Melalui novel ini juga digambarkan perwatakan anak-anak perempuan seorang yang sentiasa taat dan patuh akan perintah ibu bapa dan orang tua;

*"Semakin dia meningkat dewasa semakin banyaklah tugas yang diberi ibu. Sudah sampai menjaga Dolah, menuapnya makan dan mengangkat jemuran kain. Dan dia tidak pernah merungut apalagi membantah. Sehingga kini dia menjadi anak yang patuh dan taat."*

(Halaman 15, *Hatimu Aisyah*. 2019)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan perwatakan seorang anak melalui watak Aisyah. Perwatakan Aisyah yang begitu patuh dan taat dengan perintah ibunya telah membuktikan bahawa kemampuan ibu bapa Aisyah dalam mendidik nilai-nilai murni kepada Aisyah dan kemampuan Aisyah dalam menerima dan mengikuti ajaran

yang disampaikan oleh ibu bapanya. Semenjak Aisyah kecil lagi ibunya telah mendidik Aisyah dengan melakukan kerja-kerja rumah dan menjaga adik-adiknya sehingga Aisyah dibentuk menjadi seorang yang taat kepada orang tuanya. Didikan orang tua ini adalah untuk memastikan anak perempuannya terbiasa dengan melakukan kerja-kerja rumah yang menjadi tanggungjawab seorang wanita untuk mengurus rumah tangga dengan baik. Maka menjadi kewajipan bagi setiap anak untuk menghormati dan mentaati kedua ibu bapanya. Kepatuhan Aisyah juga dapat dibuktikan dengan kesanggupan dalam melaksanakan segala tugas dan kerja yang diberikan oleh ibunya tanpa bantahan. Sebagai seorang anak perempuan yang akan meningkat dewasa hendaklah mematuhi apa yang disuruh dan dilarang oleh orang tuanya. Hal ini kerana untuk melatih diri menjadi kebiasaan untuk melakukan pekerjaan dalam mengurus keharmonian kekeluargaan yang akan dibina iaitu pada alam perkahwinan.

Seterusnya juga menggambarkan perwatakan Aisyah sebagai seorang anak yang dididik untuk bersikap taat dan patuh kepada orang tua;

*Kalau tidak tahu memasak bagaimakah dia akan hidup kerana orang perempuan mesti berkahwin dan memasak untuk anak-anak dan suaminya. Sebagai seorang anak dia mesti membuat setiap kerja yang disuruh oleh ibu. Sejak kecil lagi dia diajar untuk tidak membantah cakap ibu walau sepatah pun.*

(Halaman 9, Hatimu Aisyah. 2019)

Berdasarkan teks di atas adalah menjelaskan seorang anak yang telah dididik dan dibentuk menjadi seorang yang sangat taat dan patuh dengan perintah ibu bapa. Masyarakat Melayu tradisional telah dididik sejak dari kecil lagi untuk mentaati dan mematuhi orang tua. Budaya masyarakat Melayu tradisional ini meletakkan kedudukan wanita dengan penuh adat dan pantang larang yang ketat bagi menjaga maruah keluarganya. Ibu bapa berperanan penting untuk membentuk dan memastikan anak-anak mematuhi segala peraturan yang telah ditentukan oleh mereka. Selain itu, melalui petikan tersebut juga pengarang telah menjelaskan keadaan bagaimana seorang ibu menekankan kedudukan wanita yang terpenting dalam urusan rumah tangga. Jelas bahawa seorang wanita atau yang bergelar isteri harus pandai memasak untuk menjaga dan memberi makan dan minum kepada ahli keluarganya iaitu suami dan anak-anak. Seperti Elaine Showalter dalam prinsip teori feminism, Oleh itu, dalam mendidik anak perempuan untuk bersikap taat dan patuh adalah sebahagian daripada adat Melayu dalam kehidupan untuk menjamin keharmonian sesebuah keluarga dan masyarakat. Berikut adalah sikap Aisyah sebagai anak perempuan yang telah dipesan untuk patuh dan taat dengan perintah orang tua;

*...Dia terpegun buat beberapa ketika kerana dia tidak pernah melihat rumah yang sebesar itu seumur hidupnya. Orang kaya manakah yang memiliki rumah itu. Dia ingin tahu tetapi tidak berani bertanya kerana ibu dan nenek berkali-kali berpesan supaya dia jangan bertanya apa-apa kalau melihat benda-benda yang pelik-pelik.*

( Halaman 31, *Hatimu Aisyah*. 2019)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan tentang Aisyah patuh dan taat dengan pesanan ibu dan neneknya untuk tidak bertanya ataupun bertegur tentang sesuatu yang pelik dan sesuatu yang tidak difahaminya. *“Ibu sangat marah kalau didapatinya Aisyah cuba mendengar apa yang mereka bualkan. Apalagi kalau Aisyah cuba bertanya apa-apa yang tidak difahaminya tentang sesuatu perkara.”* (Halaman 9, *Hatimu Aisyah*. 2019). Melalui petikan di atas memberi ketegangan kepada Aisyah kerana terlalu amat patuh dan taat dengan pesanan orang tua. Segala tanda tanya yang ada di fikirannya terbatas disebabkan pesanan orang tua yang telah diterapkan dalam dirinya untuk tidak mengajukan pertanyaan akan sesuatu perkara. Hal ini kerana sejak dari kecil lagi telah diasuh untuk mematuhi semua arahan orang-orang tua tanpa sebarang soalan. Malahan dianggap biadab sekiranya menyoal kembali. Itulah sifat dan budaya masyarakat Melayu untuk menjadi anak-anak yang baik pada ketika itu. Walau bagaimanapun, sebagai seorang anak perempuan hendaklah mentaati segala pesanan dan larangan orang tua kerana pesanan dan larangan adalah demi kebaikan dan kesejahteraan seseorang itu. Jelaslah bahawa Aisyah seorang anak perempuan yang begitu taat dan patuh dengan segala perintah dan pantang larang yang diberikan oleh orang-orang tua.

KELANTAN

#### **4.1.2 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI ISTERI**

Isteri adalah seseorang yang mendampingi suaminya di saat susah dan senang bersama-sama. Isteri juga berperanan penting dalam pembentukan dan pembangunan keluarga untuk seperti mana yang terdapat dalam Hadis Riwayat Bukhari & Muslim iaitu isteri adalah pembimbing keluarga dalam rumah suaminya. Peranan isteri juga merupakan tunjang yang terpenting dalam memastikan keharmonian keluarga. Menurut Rahimah (2003), peranan isteri ini dapat dilihat hampir dalam kalangan masyarakat dan budaya yang mana peranannya dalam pembangunan keluarga adalah menjaga keperluan suami, pengurusan isi rumah dan mendidik anak-anak. Mengabaikan pelaksanaan peranan ini dengan baik sudah pasti akan memberi kesan yang negatif dalam kalangan ahli keluarga.

##### **4.1.2.1 Isteri Yang Bersikap Pemalu**

Sifat malu adalah sifat yang ada pada semua orang terutamanya pada seorang yang bergelar perempuan yang telah dididik oleh kedua orang tuanya untuk merasa lebih malu. Sifat ini adalah sifat dijunjung tinggi dan telah sebati dalam diri di kalangan masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat malu ini mempunyai nilai yang positif dan memberi manfaat yang besar dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut Tenas Effendy (2004), masyarakat Melayu telah dididik dan disuruh untuk malu berbuat keburukan, dan pantang malu dalam hal yang baik. Penghayatan ini penyumbang kepada pembentukan nilai etika, moral dan akhlak

seseorang (Hashim Musa 2008; Hashim Musa et al. 2012). Sikap pemalu ini dapat dilihat melalui novel *Hatimu Aisyah* seperti yang berikut;

*Dua tiga hari kemudian barulah Aisyah berani mencuri-curi untuk melihat wajah suaminya. Akan tetapi, apabila Ayub memandang ke arahnya, dia segera berpaling ke arah lain. Dia berasa amat malu dan takut perbuatannya diketahui oleh Ayub. Selepas tujuh hari mereka masih belum boleh bertentangan mata apatah lagi untuk bertegur sapa.*

( Halaman 71, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Berdasarkan petikan di atas adalah menggambarkan pengantin perempuan iaitu Aisyah yang berasa segan dan malu menatap wajah suaminya sendiri yang dikenali sebagai Ayub. Hal ini kerana mereka telah dijodohkan tanpa bersua muka sehingga menyebabkan mereka berasa malu untuk bertegur sapa apatah lagi untuk menatap wajah pasangan masing-masing. Lebih-lebih lagi sebagai seorang wanita yang memiliki sikap pemalu dalam diri untuk memulakan komunikasi kepada orang yang baru dikenali dan baru hadir dalam kehidupannya. Aisyah juga merupakan seorang anak yang baik dan taat dengan perintah orang tua tidak mungkin tidak memiliki perasaan itu kerana segala adat dan pantang larang daripada keluarganya sentiasa dituruti. Malahan pengantin Melayu pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan sikap pemalu berhadapan dengan orang ramai dalam majlis perkahwinannya dan malu berdepan dan bertentangan mata dengan pasangan yang baru dikenali. Sebagai seorang isteri yang pemalu perlu mengambil sedikit waktu untuk mengenali dan menegur suaminya itu seperti Aisyah yang mengambil lebih kurang tujuh hari

untuk bertegur sapa akan suaminya. Sifat malu ini telah ditanam oleh anak-anak dara untuk merasa kehangatan dan kemanisan cinta sewaktu zaman pernikahan. Jelas sifat malu ini juga sebagai penghalang kemungkaran dan mengaibkan dalam pembangunan kekeluargaan. Oleh itu, jelaslah bahawa sifat malu ini menyumbangkan seseorang itu wanita itu seorang yang baik dan berakhhlak untuk menjamin keharmonian keluarganya.

#### **4.1.2.2 Isteri Yang Prihatin Terhadap Suaminya**

Sebagai seorang isteri yang kasih akan suaminya berasa sangat risau sekiranya berlaku terjadi apa-apa terhadap suaminya. Sebagai seseorang yang mendampingi dan didampingi hendaklah memberi satu sikap yang prihatin sebagaimana menunjukkan bahawa seseorang itu sangat mengambil berat akan pasangannya. Prihatin adalah sikap yang menunjukkan suatu perasaan yang menunjukkan keimbangan, memberi perhatian atau rasa mengambil berat terhadap kedukaan atau dukacita orang lain. Sebagai contohnya Aisyah yang sangat prihatin akan suaminya;

*...Aisyah sering diselubungi kegelisahan dan keimbangan memikirkan Ayub yang sedang berjalan meredah kegelapan malam dengan bahaya yang mengintai di sana sini walaupun dia tahu Ayub ada mempelajari beberapa doa bagi melindungi dirinya...*

( Halaman 103, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Petikan dia atas menggambarkan kegelisahan dan keimbangan seorang isteri terhadap suaminya yang sedang melalui

sebuah perjalanan yang penuh dengan ancaman bahaya. Di sini jelas menyatakan bahawa Aisyah seorang isteri yang sangat prihatin terhadap suaminya. Hal ini dikatakan demikian kerana Aisyah memikirkan Ayub dengan kerisauan meskipun suaminya itu boleh melindungi dirinya sendiri dengan berkat doa yang dipelajari. Walau bagaimanapun, sebagai seorang isteri hendaklah menunjukkan keprihatinan dan mengambil berat keadaan suami, maka suami akan berasa lebih disayangi serta berasa diambil berat oleh pasangannya. Malahan suami juga turut memperlakukan sedemikian terhadap isterinya dengan penuh prihatin dan mengambil berat.

#### **4.1.2.3 Isteri Yang Bersyukur**

Sebagai seorang umat Islam, kita telah diajarkan untuk menanamkan rasa sifat syukur kepada Allah atas segala kurniaan dan nikmat yang Allah berikan kepada hamba-hambanya. Dan kita juga hendaklah tidak mengeluh akan segala ujian dan dugaan yang telah menimpa kita. Oleh itu sebagai seorang isteri yang baik dan solehah hendaklah sentiasa mensyukuri segala nikmat dan ujian yang Allah berikan bersama pasangannya dalam mengharungi kehidupan bersama-sama. Rasulullah SAW ada bersabda dalam hadis dari HR. An Nasa'l dan A- Baihaqi yang meringkaskan tentang seorang isteri yang tidak bersyukur kepada suaminya akan merasa tidak cukup dengan pemberian daripada suaminya. Bahkan Allah juga tidak akan memandang seseorang isteri yang tidak mensyukuri segala pemberian

daripada suami. Oleh itu sebagai seorang seorang isteri hendaklah sentiasa memperingati diri untuk sentiasa merasa bersyukur dengan rezeki Allah dan kepada suami yang memberikan nafkah. Sebagaimana watak Aisyah yang memiliki perwatakan yang bersyukur sebagai seorang isteri;

*Aisyah bersyukur kerana untuk setakat ini mereka dapat makan dan minum serta berupaya membesarakan Jamilah. Akan tetapi dia sedar mereka tidak boleh selamanya berpuas hati dengan apa yang ada, mereka memerlukan juga kain baju.*

( Halaman 95, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Petikan berikut adalah perwatakan seorang isteri yang bersyukur dengan kehidupan yang mereka sedang menjalani bersama suami dan anaknya. Meskipun hidup dalam yang sederhana, Aisyah merasakan sangat mensyukuri dengan rezeki Allah yang mampu memberi mereka rezeki makan dan rezeki minum serta mampu untuk membesarakan anaknya yang bernama Jamilah dengan baik. Jelas bahawa Aisyah seorang isteri yang bersyukur mempunyai seorang suami yang masih mampu bersama mengharungi kehidupan rumah tangga dengan baik. Bahkan Aisyah juga turut tidak melupakan pemberian rezeki yang cukup memberi kelangsungan hidup mereka. Bahkan mereka berasa cukup selesa, walau bagaimanapun hendaklah mereka berusaha lebih gigih lagi untuk mendapatkan rezeki lebih untuk membesarakan anak-anak dengan kehidupan yang lebih baik dan lebih

selesa. Kerana rezeki ini tidak akan salah alamat kepada orang yang sentiasa mengingati dan mensyukuri Allah.

#### 4.1.3 PERWATAKAN WANITA SEBAGAI IBU

Ibu adalah seorang wanita yang meletakkan kedudukannya yang paling istimewa dalam agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan ini mempunyai kelebihan dalam mengandungkan dan melahirkan anak yang tidak mungkin dapat dimiliki oleh kaum lelaki. Rasulullah SAW juga mengutamakan kedudukan ibu sebanyak tiga kali kemudian diikuti dengan bapa seperti yang diriwayatkan dalam hadis Abu Hurairah. Hal ini kerana kepayahan dan pengorbanan seorang ibu dalam melahirkan dan menjaga anak dengan penuh cinta dan kasih sayang. Golongan ini merupakan golongan yang hebat dalam membesarkan dan mencurahkan dengan kasih sayang kepada anak-anaknya. Seperti yang dikatakan oleh D H Lawrence bahawa "*Dia adalah cinta pertamaku, cinta terbesar. Dia adalah wanita yang hebat dan dia kuat, tabah, dan murah hati seperti matahari. Dia bisa jadi sangat cepat seperti lecutan cambuk, sebaik dan selembut hujan yang hangat, serta seteguh bumi yang berada di bawah kita.*" Jelaslah bahawa ibu adalah segala-galanya bagi anak dan akan buat yang terbaik untuk anak mereka.

#### 4.1.3.1 Ibu Yang Tegas

Ibu yang tegas merupakan mampu mendidik anak-anak menjadi seorang insan yang baik dan berguna. Hal ini kerana ibu adalah individu penting yang banyak mempengaruhi anak-anak melalui cara didikan ibu. Sikap semula jadi ibu yang penyayang dan insan yang lebih akrab dan rapat dengan anak-anak berbanding dengan ayah memberi kelebihan kepada ibu untuk anak-anak mendengar cakap dengan teguran dan nasihat yang diberikan. Sikap tegas kepada anak-anak ini bertujuan sebagai mendidik dan tidak terlalu memanjakan anak-anak. Oleh itu debagai seorang ibu hendaklah memainkan peranan yang penting kepada anak-anak khususnya bersikap tegas kepada anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memastikan anak-anak mendengar cakap dan menuruti arahan ibu dan meninggalkan apa yang dilarang oleh seorang ibu. Bersikap tegas ini juga adalah untuk mendisiplinkan anak-anak untuk memastikan anak-anak bersikap sivik dan moral yang baik, di samping mendidik anak-anak menjadi anak yang patuh dan taat perintah orang tua. Hal ini kerana seorang ibu sangat menyayangi anak-anaknya untuk menjadi insan yang baik dan berguna kepada keluarga dan masyarakat sekeliling. Hal ini dapat dilihat perwatakan watak ibu Aisyah dalam novel *Hatimu Aisyah* ini;

*Sesekali tumbuh juga keinginannya untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh. Dia mahu membuktikan kepada ibu yang dia juga boleh membuat sesuatu dengan baik. Sesekali ingin juga dia mendengar pujian daripada mulut ibu tetapi alangkah hampanya apabila setiap kali dia menyelesaikan tugasnya, ibu biasanya berkata,*

*“Hah kau ini Aisyah, lain kali cubalah buat elok-elok sikit, kau tu dah besar, dah nak jadi anak dara.”*

( Halaman 9, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Berdasarkan petikan teks di atas merujuk kepada sikap ibu yang menegaskan kepada Aisyah untuk sentiasa melakukan pekerjaan dengan baik dan bersungguh-sungguh. Dapat dibuktikan Aisyah adalah seorang budak perempuan sedang menuju ke peringat baligh atau anak dara. Ibu Aisyah telah mendidik anaknya dengan tegas agar dapat mendisiplinkan Aisyah untuk bekerja sebagai menjalankan tanggungjawab seorang anak perempuan dalam mengurus hal-hal rumah. Maka, sikap tegas ini dapat memerintahkan kepada anak agar dapat menuruti permintaannya yang mana tujuannya adalah untuk mendisiplinkan anak untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh. Jika tidak maka segala pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Bahkan tanpa penegasan terhadap anak-anak, mereka akan terlalu manja dan tidak dapat berdikari dalam menjalani kehidupan sebagai seorang individu.

#### **4.1.3.2 Ibu Yang Bersyukur**

Hati seorang ibu yang manakah tidak bersyukur dan berbangga melihat anak-anaknya telah mencapai ke tahap yang tertinggi. Bersyukur bermaksud menzahirkan satu perasaan penghargaan atas sesuatu nikmat (Johari Yap, *Sinar Harian*). Kesyukuran yang dihadapi

oleh ibu ini adalah kejayaan dan pencapaian seorang anak yang telah diasuh oleh seorang ibu memberi satu kebanggaan dan rasa bersyukur dalam dirinya. Hal ini boleh dilihat dan merujuk kepada dalam novel berikut;

*“Dah legalah hati saya, Kak Long. Si Aisyah sudah selamat. Bukan senang nak simpan anak dara di rumah”*

( Halaman 74, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Berdasarkan dialog ibu di atas merujuk kepada tanda syukur seorang ibu terhadap anaknya yang baru sahaja selamat menjalin hubungan perkahwinan. Sebagai seorang ibu sudah tentu menginginkan yang terbaik untuk anaknya terutamanya anak perempuan. Hal ini kerana tanggungjawab seorang orang tua adalah untuk melindungi dan menghormati kehormatan maruah dan harga diri seorang anak dara. Ibu Aisyah berasa lega dan rasa sangat bersyukur akhirnya usahanya untuk mengasuh dan melindungi anak perempuan dengan baik menjadi suatu kebanggaan dan tanda bersyukur kerana akhirnya Aisyah sudah dewasa dan dapat mengaplikasikan segala asuhan dan didikan ibunya ke alam perkahwinannya bersama suami. Setiap mimpi orang tua adalah untuk memastikan anak perempuannya dapat beristerikan dengan suami yang baik latar belakangnya dan mampu menjaga dan membimbing anak perempuan mereka dengan baik. Jelaslah bahawa seorang ibu berasa terharu dan bersyukur

akhirnya anak perempuan yang dilahirkan menjadi seorang yang tumbuh dewasa dengan baik.

#### **4.2 KEPENTINGAN JATI DIRI WANITA DALAM NOVEL HATIMU AISYAH**

Menurut Kamus Dewan, jati diri mempunyai hubungan yang rapat dengan, bahasa, budaya, agama dan sebagainya. Manakala menurut Jabatan Penerangan Malaysia (2016), memiliki jati diri yang kukuh dapat mengangkat maruah bangsa dan negara di pentas global dengan penghayatan yang teguh terhadap agama, bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penghayatan mampu membentuk watak dan sifat keperibadian seseorang individu itu sendiri.

Sebagai seorang wanita Melayu dan wanita Muslim mahupun yang diangkat di kedudukan yang tinggi kerana ibu adalah adalah seorang wanita yang sanggup berkorban nyawa untuk mengandungkan dan melahirkan anak di dunia ini. Seperti Rasulullah SAW pernah bersabda mengenai untuk berbakti kepada ibu yang disebut sebanyak tiga kali barulah diikuti dengan ayah. Hal ini kerana ibu atau golongan wanita ini berperanan penting dalam mendidik karakter atau perwatakan anak-anak. Malah golongan ini juga dimuliakan di sisi agama Islam.

Jati diri adalah amat penting bagi golongan wanita ini untuk memastikan dapat meneruskan menjaga kehormatan dan maruah diri seorang wanita. Maka untuk membentuk dan melatih diri dalam pembentukan jati diri hendaklah bermula daripada didikan ibu bapa kepada anak-anak. Ibu bapa berperanan penting untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak dengan mencontohi teladan yang baik di hadapan mereka. Ibu bapa juga hendaklah mempunyai jati diri yang tinggi untuk memastikan anak-anak dapat menyaksikan dan mencontohi yang baik dari orang tua. Terutamanya kepada anak-anak perempuan adalah dipastikan mereka sentiasa dapat terus dipelihara kehormatan dan kesucian diri dari melakukan kemungkaran ibu bapa dan kemungkaran Allah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah bersikap tegas dan adil yang sesuai dengan agama untuk memastikan anak-anak muda untuk taat dan patuh dengan orang tua agar dapat membentuk jati diri yang baik dalam diri kanak-kanak. Khususnya sebagai masyarakat Melayu yang penuh dengan adat Melayu yang tinggi harus berbangga dan membentuk peribadi dalam diri agar mempunyai jati diri orang Melayu seperti yang dikatakan oleh Menteri Kedua Pendidikan, Dr Mohamad Maliki Osman.

Dengan adanya pembentukan jati diri dalam kalangan wanita, maka sebagai seorang wanita yang memiliki kesedaran yang baik dapat melahirkan generasi muda yang seterusnya untuk mengangkat maruah baik jantina lelaki mahupun perempuan menjadi lebih baik dari segi maruah, agama, bangsa dan negara. Hal ini kerana untuk melahirkan dan membangunkan generasi yang membesar dalam suasana harmoni dan baik. Selain itu melahirkan generasi yang berakhhlak dan beradab dengan ilmu dan menyantuni dengan

semua anggota masyarakat serta bersedia dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

#### **4.3 PERWATAKAN WANITA DENGAN MENGEKPLIKASIKAN TEORI FEMINISME DALAM NOVEL HATIMU AISYAH**

Teori feminism diasaskan oleh Elaine Showalter yang memperjuangkan wanita untuk mendapatkan tempat yang sedarjat dengan lelaki dan memperkasakan wanita. Teori ini secara umumnya merangkumi sistem idea tentang kehidupan sosial dan asas persoalan wanita dalam masyarakat. Teori yang dinyatakan Elaine Showalter terbahagi kepada empat prinsip iaitu biologi, pengalaman, psikologi dan sosial.

Bagi prinsip teori feminism yang pertama adalah biologi. Menurut Elaine Showalter, pengkritik feminism hendaklah berfikir dan melihat perbezaan biologi dan hubungannya dengan penulisan tentang watak wanita. Jelasnya lagi, dalam membincangkan teori biologi ini tidak semestinya tertumpu kepada tubuh wanita semata-mata tetapi juga melihat segala tugas dan peranan mereka sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Sebagai contoh dalam novel *Hatimu Aisyah* terdapat beberapa perwatakan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji iaitu antaranya ialah perwatakan anak perempuan yang taat dan patuh kepada ibu bapa. Hal ini dapat dikaitkan dengan prinsip yang pertama iaitu biologi. Biologi secara umumnya adalah wanita yang dilihat

sebagai seorang yang memikul tanggungjawab dan melaksanakan peranan yang diarahkan. Sebagai contohnya dalam teks *Hatimu Aisyah* ;

*“Semakin dia meningkat dewasa semakin banyaklah tugas yang diberi ibu. Sudah sampai menjaga Dolah, menuapnya makan dan mengangkat jemuran kain. Dan dia tidak pernah merungut apalagi membantah. Sehingga kini dia menjadi anak yang patuh dan taat.”*

(Halaman 15, *Hatimu Aisyah*. 2019)

Melalui petikan teks di atas menggambarkan perwatakan Aisyah sebagai seorang anak yang sangat taat dan patuh kepada ibunya. Melalui perwatakan Aisyah ini dapat dilihat Aisyah seorang yang sangat beramanah dan menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang anak dalam mentaati dan mematuhi segala pekerjaan yang diberikan oleh ibu bapanya. Jelaslah bahawa perwatakan wanita dalam novel ini bersesuaian dengan prinsip yang dinyatakan oleh Elaine Showalter iaitu dalam prinsip biologi.

Prinsip teori feminism yang seterusnya adalah pengalaman. Pengalaman menurut Elaine Showalter mempunyai kaitan yang erat dengan aspek biologi. Hal ini dikatakan demikian kerana pengalaman itu dapat dikaitkan dengan pengalaman tugas sebagai seorang isteri yang mengurus dan mengatur sesuatu pengurusan dalam urusan rumah tangga. Sebagai contoh dalam perwatakan wanita sebagai seorang isteri prihatin terhadap suaminya. Prihatin berkait rapat dengan prinsip pengalaman kerana setiap orang memiliki sifat prihatin dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh;

*...Aisyah sering diselubungi kegelisahan dan kebimbangan memikirkan Ayub yang sedang berjalan meredah kegelapan malam*

*dengan bahaya yang mengintai di sana sini walaupun dia tahu Ayub ada mempelajari beberapa doa bagi melindungi dirinya...*

( Halaman 103, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Berdasarkan petikan di atas Aisyah menunjukkan sikap prihatinnya kepada suaminya. Daripada petikan tersebut pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perwatakan keprihatinan Aisyah terhadap suaminya dapat dijadikan satu pengalaman kepada beliau.

Prinsip teori feminism yang seterusnya dalam perwatakan wanita dalam novel ini ialah prinsip psikologi. Psikologi yang dinyatakan Elaine Showalter ialah pengetahuan ilmu psikologi yang menjadi alat dan dasar kajian yang menghayati watak-watak dalam karya sastera. Wilbur Scott (1962) juga ada menyatakan bahawa disiplin psikologi dapat diaplikasikan karya sastera bagi menerangkan reaksi seseorang watak. Ianya juga dikaitkan dengan mental dan pemikiran seseorang yang mendorong kepada mempengaruhi orang lain. Hal ini dapat dilihat perwatakan wanita sebagai seorang ibu dalam novel *Hatimu Aisyah* ini yang bersikap tegas dalam mendidik anak-anaknya. Prinsip ini telah dibuktikan mampu memberi penekanan kepada orang lain bagi untuk memberi tindak balas terhadap apa yang telah ditegaskan.

*Sesekali tumbuh juga keinginannya untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh. Dia mahu membuktikan kepada ibu yang dia juga boleh membuat sesuatu dengan baik. Sesekali ingin juga dia mendengar pujian daripada mulut ibu tetapi alangkah hampanya apabila setiap kali dia menyelesaikan tugasnya, ibu biasanya berkata, "Hah kau ini Aisyah, lain kali cubalah buat elok-elok sikit, kau tu dah besar, dah nak jadi anak dara."*

( Halaman 9, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Dapat disimpulkan melalui petikan di atas bahawa watak ibu Aisyah yang tegas mampu memberi tindak balas terhadap Aisyah dalam bidang psikologi. Dapat juga diberi gambaran bahawa perwatakan seorang ibu dalam novel ini amat dikaitkan dengan teori feminism dalam prinsip psikologi bagi membentuk penekanan terhadap anaknya menjadi ke arah yang lebih baik.

Prinsip teori feminism yang terakhir terhadap perwatakan wanita dalam novel ini adalah prinsip sosial. Sosial merujuk kepada hubungan kemasyarakatan yang melibatkan kaum lelaki dan kaum wanita. Namun begitu dalam novel ini sikap sosial itu dapat dilihat melalui pengantin Melayu dalam perkahwinan adat Melayu. Sebagai contohnya, pengantin lelaki dan pengantin perempuan berasa sangat malu sehingga tidak berani berpandangan mata selama beberapa hari. Hal ini kerana, mereka tidak pernah bertemu sehingga ke jinjang pelaminan. Oleh itu dapat dirujuk melalui pengantin perempuan atau isteri yang memiliki bersikap malu dalam watak Aisyah.

*Dua tiga hari kemudian barulah Aisyah berani mencuri-curi untuk melihat wajah suaminya. Akan tetapi, apabila Ayub memandang ke arahnya, dia segera berpaling ke arah lain. Dia berasa amat malu dan takut perbuatannya diketahui oleh Ayub. Selepas tujuh hari mereka masih belum boleh bertentangan mata apatah lagi untuk bertegur sapa.*

( Halaman 71, *Hatimu Aisyah*. 2019 )

Oleh itu jelaslah bahawa perwatakan wanita dalam novel ini dapat dikaitkan dikaitkan dengan prinsip sosial kerana setiap wanita memiliki sifat

pemalu dalam dirinya. Hal ini kerana pengantin Melayu pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan sikap pemalu dalam berhadapan dengan ramai orang dalam majlis perkahwinannya.

#### 4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan satu analisis dan dapatan kajian terhadap karya yang dipilih iaitu novel *Hatimu Aisyah*. Pendekatan teori feminism digunakan dan dikaitkan selaras dengan objektif kajian ini untuk menjawab segala persoalan yang dibina. Penelitian terhadap dapatan kajian pertama telah dipecahkan kepada tiga bahagian analisis yang merujuk kepada golongan wanita iaitu kedudukan seorang anak perempuan, isteri dan ibu. Pendekatan teori digunakan untuk memfokuskan dan memartabatkan golongan wanita dalam menilai sikap dan perwatakan yang baik yang terdapat dalam masyarakat wanita Melayu.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Berdasarkan bab terakhir ini, pengkaji akan menghuraikan secara keseluruhan berkaitan dengan analisis dan dapatan kajian yang dilakukan. Selain itu, pengkaji juga akan merumuskan kajian ini di samping mengemukakan beberapa implikasi terhadap pengkaji berdasarkan kajian yang telah dilakukan.

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Melalui ringkasan kajian ini, penelitian analisis dan dapatan kajian terhadap karya Zurinah Hassan dalam novelnya yang bertajuk *Hatimu Aisyah* membuktikan bahawa setiap objektif telah terjawab dengan merujuk kepada pendekatan teori feminism bagi mendekatkan dan mengenali perwatakan-perwatakan golongan wanita yang merakamkan norma dan kebiasaan masyarakat wanita Melayu dalam menjalani kehidupan seharian dengan memegang kepada prinsip kebudayaan Masyarakat Melayu. Memiliki jati diri dalam kalangan masyarakat wanita Melayu juga amat penting bagi memastikan kehormatan dan maruah wanita terpelihara serta bagi melahirkan keharmonian generasi seterusnya yang bermaruah dan berakhhlak dari segi

agama, bangsa dan negara. Hal ini telah dijelaskan pada awal bab analisis dan dapatan kajian melalui objektif kajian yang telah dijalankan sebelum ini.

## 5.2 IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian analisis dan dapatan kajian yang dikaji terhadap novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan ini terbukti bahawa pengarang mengangkat dan memartabatkan golongan wanita dalam penulisannya. Hal ini dapat dijelaskan melalui watak utama Aisyah dalam novel tersebut dalam menjalani kehidupannya dengan adat budaya dan pantang larang masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak dari peringkat awal sehingga meningkat usia memfokuskan kepada perwatakan dan kisah arus kehidupan di sekitarnya. Mendapat melihat bagaimana kasih seorang anak terhadap orang tua, peranan dan bimbingan ibu kepada anaknya, dan isteri menghormati suaminya seperti mana pengarang merakamkan kisah perjalanan golongan wanita.

Antara implikasi terhadap kajian ini adalah sebagai suatu proses pengetahuan kepada pengkaji dalam mengenal lebih rapat terhadap peranan yang utama dalam menjalani kehidupan sebagai seorang anak dan seterusnya akan membina mahligai bersama suami dan anak-anak. Pengkaji dapat mengambil sesuatu yang bermanfaat untuk memastikan peranan dalam memartabatkan golongan wanita dapat terus dikenalkan dan dipanjangkan dengan mewarisi nilai-nilai murni dalam diri kepada generasi-generasi yang

seterusnya. Hal ini untuk memastikan masyarakat kini dan masyarakat yang seterusnya dapat berpegang teguh dengan ajaran Islam dan memegang dengan nilai adat dan kebudayaan masyarakat Melayu yang telah lama diamalkan dan diperturunkan kepada generasi muda. Meskipun perubahan arus pemodenan terus berlaku, sudah pasti memegang kepada jati diri yang baik dalam kalangan masyarakat khususnya golongan wanita dapat memastikan kehormatan maruah wanita terpelihara seperti yang digariskan panduan dalam ajaran agama Islam. Sebagai masyarakat Melayu dan beragama Islam hendaklah sentiasa memegang kepada ajaran Islam bagi melindungi kaum wanita daripada tercaltar dengan menjaga batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan, menutup aurat dan menjaga pandangan ajnabi, menghormati dan membimbing golongan ini dengan baik dan sebagainya. Menjadi tanggungjawab sesama Muslim untuk menjaga nama baik, kehormatan diri dan keluarga daripada terjerumus melakukan kemungkaran. Tanggungjawab kepada semua golongan dalam memastikan dan melahirkan generasi yang berakhlik dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

### 5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Novel *Hatimu Aisyah* banyak memaparkan watak-watak wanita yang boleh ditanggapi sebagai novel feminism karya daripada Zurinah Hassan. Melalui kajian ini adalah untuk mengenali dan mengenalpasti perwatakan wanita dalam novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan dan

menganalisis pentingnya jati diri dalam diri seseorang wanita yang mana dapat menjadi rujukan dan pengetahuan para pengkaji untuk diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini kerana untuk memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat bahawa pentingnya golongan wanita ini dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, semua pihak hendaklah memainkan peranan penting dalam kelangsungan hidup bermasyarakat dengan mempelajari dan menerapkan nilai keagamaan dan sivik untuk sentiasa melakukan ibadah dan sesuatu perkara yang bermanfaat dan tidak melakukan perkara yang membawa kepada kemungkaran.



## RUJUKAN

- Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. (2017), *Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam*. e-BANGI, 12(3), 1-16.
- Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. (2018), *Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam (Woman's Role In The Family Institution: Discussions From Islamic Perspective)*. e-Bangi, 14(3).
- Al-Hasyimi, M. A. (1997), *Jati Diri Wanita Muslimah*. Pustaka Al-Kautsar.
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018), *Perwatakn Wanita Melayu Muslim Dalam Novel "Diari Seorang Jururawat" Karya Aminah Mokhtar*. Journal of Nusantara Studies (JONUS), 3(2), 124-161.
- Ali, T. I. M. T. M. (2013), *Ikon Wanita Melayu-Islam Dalam Novel Tunggu Teduh Dulu*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 1(1), 169-183.
- Dermawan, R. N. (2015), *Pribadi Muslimah Dalam Novel Pingkan Sehangan Mentari Musim Semi Karya Muthmainnah : Perspektif Feminisme Islam*. Caraka, 2(1), 1-20.

Diana, J. (2018), *Citra Sosial Perempuan dalam Cerpen Kartini Karya Putu Wijaya Tinjauan Kritik Sastra Feminis*. *Jurnal Pena Indonesia*, 4(1), 78-96.

Fathurohman, I. (2021), *Feminisme dalam Citra Kehidupan Puisi Luka Cinta Karya Yudhistira ANM Massardi: Kajian Strukturalisme*. *Diglosia: Jurnal Pendidikan, Kebahasaan, dan Kesusastraan Indonesia*, 5(1).

Jalaluddin, N. H., Mokhtar, M., & Ahmad, Z. (2014), *Imej Wanita dalam Undang-Undang Melaka: Pembuktian Linguistik*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 14(1).

Jamian, M. N., & Shahruddin, N. I. (2020), *Kepimpinan Wanita Dalam Novel Matriark Karya Samsiah Mohd. Nor*. *Jurnal Melayu*.

Kamis, M. H., & Ismail, I. (2015), *Tema-tema Feminisme dalam Novel-novel Nawal ElSaadawi/Feminist Themes in Nawal El Saadawi's Novels*. *Islamiyat*, 37(2), 107.

Kurniati, C. P. (2017), *Citra Perempuan dalam Novel Burung Tiung Seri Gading Karya Hasan Junus*. *Madah*, 5(2), 157-170.

Kurniawati, A., Liana, L., Asharina, N. P., & Permana, I. (2019), *Kajian Feminisme Dalam" Novel Cantik Itu Luka" Karya Eka Kurniawan*. *Parole (Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia)*, 1(2), 195-206.

- Kusumawati, A. A. (2013), *Feminisme Islam dalam Novel Abidah El Khalieqy*. THAQAFIYYAT: Jurnal Bahasa, Peradaban dan Informasi Islam, 14(2), 115-137.
- Latifi, Y. N. (2016), *Rekonstruksi Pemikiran Gender Dan Islam Dalam Sastra : Analisis Kritik Sastra Feminis Terhadap Novel Zaynah Karya Nawal As-Sa'dawi*. Musawa Jurnal Studi Gender Dan Islam, 15(2), 249-272.
- Lestari, Y., Elmustian, E., & Syafrial, S. (2017), *Peranan Perempuan dalam Novel Megat Karya Rida KLiamsi* (Doctoral dissertation, Riau University).
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015), *Citra Wanita Melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin Dan Ipin*. *Journal of Education and Social Sciences*, 2(Oct), 137-149.
- Maraya, R., & Maniam, K. (2018), *Citra wanita dalam novel R. Kartigesu: ‘Vahnathu Veligal’*. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 277-285.
- Mawarni, H., & Sumartini, S. (2020), *Citra Wanita Tokoh Utama Rani Novel Cerita Tentang Rani Karya Herry Santoso Kajian Kritik Sastra Feminis*. Jurnal Sastra Indonesia, 9(2), 137-143.
- Milawasri, F. A. (2017), *Analisis Karakter Tokoh Utama Wanita Dalam Cerpen Mendiang Karya SN Ratmana*. Jurnal Bindo Sastra, 1(2), 87-94.

- Muhamad, Z., Abdullah, A., & Ab Razak, R. R. (2019), *Sifat Malu Dalam Kerangka Akhlak Melayu (Shyness and Modesty in the Malay Ethical Framework)*. Jurnal Hadhari: An International Journal, 11(2), 231-244.
- Nordin, N. S. A., & Ya, C. A. C. (2018), *Watak Wanita Dalam Bidadari Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi Dan Budaya*. Jurnal Wacana Sarjana, 2(4), 1-10.
- Putri, R. S., Abdurahman, A., & Nasution, B. (2013), *Citra Tokoh Wanita Dalam Novel Aku Bukan Budak Karya Astina Triutami*. Jurnal Bahasa dan Sastra, 1(2), 32-41.
- Radzi, N. Z. M., Abidillah, N., & Jamal, D. H. D. (2020), *Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan Menerusi Perspektif Elaine Showalter Model Bahasa*. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 8(2), 54-62.
- Rahman, N. A. (2020), *Imej Wanita Korporat Dalam teks Kesusasteraan Melayu Modern Malaysia : Daripada Lensapengarang Wanita*. Jurnal Pengajian Melayu, 21(1), 196-211.
- Raj, S. V., & Annamalai, M. D. M. (2019), *Kedudukan Watak-Watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen "Ammavuku" Menerusi Kajian Subaltern*.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 4(5),  
55-60.

RUSOK, N. B. M. (2018), *Emansipasi Wanita Dalam Novel-Novel Pilihan*

Sarju, H. B., Hamzah, R. B., & Udin, A. B. (2010), *Pendidikan: Matlamat Dan Fungsinya*. In Proceeding of the Education Postgraduate Research Seminar.

Sarojini, K. (2018), *Imej wanita dalam novel “Asam Pedas untuk Dia” dan “Ombak Rindu”: Kajian kritik feminis/Sarojini Karuppiah* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Susanti, E. (2015), *Budaya Malu Cerminan Bagi Perempuan Melayu*. Sosial Budaya, 11(2), 226-236.

Syarifuddin, S. (2020), *Perwatakan Tokoh Pergerakan Feminisme dalam Novel Ahlâm Al-Nisâ Al- Harem Karya Fatima Mernissi (Sebuah Kajian Strukturalisme Genetik)*. Jurnal Adabiya, 21(2), 46- 65.

Tahir, U. M. M. (2012). *Wanita Sebagai Objek Seks: Penanganannya Dalam Novel Bila Hujan Malam*. GEMA Online® Journal of LanguageStudies, 12(2).

Yassin, K. M. (2019), *Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain*. International Journal of Humanities, Philosophy, and Language, 2(6), 01-13.

Yusof, A., Abd Rahim, R. A., Kadir, N. A. A., & Dahlal, N. H. M. (2010), *Konsep Feminisme Islam di dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih*. Journal of Al-Tamaddun, 5(1), 131-147.

Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2018), *Karisma Wanita dalam Novel Nenek Karya Razali Endun: Women's Karisma in Grandma Karya Razali Endun*. The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS), 5(1), 44- 54.

Zubir, S. K. M. (2012), *Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 3, 139-154.

Abd Razid, M. (2022). Yirmi.my. Retrieved 20 January 2022, from [http://yirmi.my/article.php?ar\\_ID=176&pageno=1&field=ar\\_Date&order=ASC&category=3&language=1](http://yirmi.my/article.php?ar_ID=176&pageno=1&field=ar_Date&order=ASC&category=3&language=1).

Guru berperanan terap nilai murni melalui khazanah tidak ternilai dalam bahasa Melayu. (2022). Retrieved 20 January 2022, from <https://berita.mediacorp.sg/singapura/guru-berperanan-terap-nilai-murni-melalui-khazanah-tidak-67321>

Mudahnya jadi wanita hebat... (2022). Retrieved 20 January 2022, from

<https://www.sinarharian.com.my/article/41758/LIFESTYLE/Femina/tip-jadi-wanita-hebat>

Posisi Kaum Hawa Yang Diperkuuh Dalam Al-Quran, Berita Hidayah -

BeritaHarian.sg. (2022). Retrieved 20 January 2022, from

<https://www.beritaharian.sg/hidayah/posisi-kaum-hawa-yandiperkuuh-dalam-al-quran>

YAP, J. (2022). Hayati erti syukur. Retrieved 13 February 2022, from

<https://www.sinarharian.com.my/article/70260/KOLUMNIS/Hayati-erti-syukur>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN